



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2173]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2175]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2176]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) [Ruangan 2202]

Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) [Ruangan 2217]

Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif (Ekstradisi Khas)
[Ruangan 2226]

Rang Undang-undang Letrik (Pindaan) [Ruangan 2237]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ General TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P. Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T. H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Hussin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 3hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN YANG DI-
PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memberitahu iaitu saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya :

1. Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) (No. 2);
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pemberian Perambahan Hasil;
5. Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
6. Rang Undang-undang Syarikat-syarikat Meminjam (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Talikom (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
14. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2);
17. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3);
19. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
23. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
24. Rang Undang-undang Orang-orang Papa;

25. Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan); dan
26. Rang Undang-undang Perusahaan Nenas (Pindaan).

Tandatangan:
 YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut di bawah ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) (No. 2);
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pemberian Perambahan Hasil;
5. Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
6. Rang Undang-undang Syarikat-syarikat Meminjam (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Talikom (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
14. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);

16. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2);
17. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3);
19. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
23. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
24. Rang Undang-undang Orang-orang Papa;
25. Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan); dan
26. Rang Undang-undang Perusahaan Nenas (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JEMAAH HAJI MALAYSIA

1. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Lembaga Urusan dan Tabung Haji membuat siasatan dan kajian dengan teliti kenapa dan mengapa merosotnya orang-orang yang menunaikan Fardhu Haji pada tahun ini, jika dibandingkan pada tahun-tahun yang lepas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Jemaah Haji tahun ini didapati sangat berkurangan bila dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Kemosotan bilangan Jemaah Haji tahun ini berlaku bukan sahaja di Malaysia tetapi didapati di seluruh Negara-negara Islam. Mengikut tinjauan Lembaga Urusan dan

Tabung Haji banyak sebab-sebab yang menimbulkan keadaan ini di antaranya seperti berikut:

- (1) Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Jemaah pada tahun yang lalu terutamanya akibat-akibat Peraturan Baru yang dikenakan khasnya mengenai Jemaah tidak boleh memilih Syekh Haji kesukaan mereka. Adalah menjadi tradisi bagi Jemaah Haji Malaysia memilih Sheikh kehendak mereka. Apabila ini tidak dibenarkan mengikut Peraturan yang baru dan kerana tahun sudah kesulitan telah timbul dalam hal ini maka bakal-bakal Haji Malaysia tahun ini berasa ragu-ragu untuk menunaikan Fardhu Haji.
- (2) Bayaran Wang Naik Haji iaitu tambang dan Perbelanjaan Hidup (termasuk cukai-cukai di Saudi Arabia) adalah melebihi daripada tahun yang sudah. Kenaikan ini dilakukan oleh kerana perbelanjaan hidup di Saudi Arabia sangat mahal.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan merosotnya orang-orang di Malaysia menunaikan fardhu haji pada tahun ini, saya hendak bertanya kepada Kerajaan pada segi mata Kerajaan mana lebih baik ramainya orang-orang Islam menunaikan fardhu haji dengan kurangnya mereka menunaikan fardhu haji pada tiap-tiap tahun.

Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini agak rumit hendak dijawab kerana terlalu sensitif. Oleh kerana itu bagi seseorang yang telah menunaikan fardhu haji pada tahun pertama, ia bercadang hendak naik haji pada tahun kedua, ketiga, keempat dan ada yang meyakinkan kalau dia telah dapat menunaikan fardhu haji 7 kali dia masuk syurga bulat-bulat—setengah orang berfahaman begitu. Dan kalau sekiranya kita cuba menghalang mereka jangan menunaikan fardhu haji, ini akan mengakibatkan yang tidak baik kepada dasar kita. Oleh kerana itu terpulanglah kepada umat Islam sendiri memikirkan dari sudut kewajipan menunaikan fardhu haji; yang wajibnya hanya sekali seumur hidup, masuk yang kedua dan seterusnya itu sudah

menjadi sunat belaka. Dan kalau mereka mengutamakan yang lebih wajib daripada yang sunat, maka faedahnya akan lebih banyak kepada umat Islam itu sendiri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji adalah untuk menolong orang Islam di Semenanjung Malaysia ini untuk pergi ke Mekah naik haji. Saya tidak hendak naik ke Mekah 10 kali—tidak hendak, cuma sekali cukuplah. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang saya hendak tanya begini iaitu tambang pergi ke Mekah, Tabung Haji adalah ditubuhkan oleh kerana semata-mata menolong terutama sekali orang Melayu, orang Islam dari sini pergi ke Mekah tetapi ada atau tidak yang Tabung Haji ini membuat duit mendapat keuntungan daripada tambang-tambang ini. Bertambah pula Kerajaan Saudi Arabia berkehendakkan untung juga di atas tambang orang yang pergi ke Mekah ini, jadi double keuntungan. Itu adalah satu sebab yang orang-orang ini, orang-orang kita pada tahun yang lepas kurang sangat pergi ke Mekah.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebab yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar. Lembaga Urusan dan Tabung Haji berkhidmat untuk umat Islam dan tidak mendapat apa-apa keuntungan, malahan mendapat cacian dan makian daripada orang yang kita beri khidmat itu. Walau bagaimanapun, kita sentiasa melakukan sesuatu khidmat yang baik kepada jemaah-jemaah haji kita di Mekah. Dan bagi tahun ini kita telah menghantar lebih ramai pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji ke Mekah daripada tahun-tahun yang sudah bagi kemudahan jemaah-jemaah haji kita yang menunaikan fardhu haji di Mekah.

Mengenai masalah kenaikan tambang, itu adalah urusan yang telah dilakukan oleh pengusaha-pengusaha yang membawa jemaah-jemaah haji samada dengan kapal laut atau kapal udara.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan yang saya hendak tanya, samada akan dijawab atau tidak itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Pertama, saya hendak tanya berkenaan dengan makanan yang disaplaikan (supply) secara dalam tin kepada jemaah-jemaah haji pada tahun ini. Adakah makanan ini disediakan sendiri oleh Tabung Haji ataupun dikontrek kepada perniagaan swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Datuk Mansor bin Mohamad: Baiklah. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan pegawai haji yang baharu-baharu ini menyatakan MAS telah menyeleweng iaitu meninggalkan barang-barang jemaah haji itu adakah benar atau tidak.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita akan siasat perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baharu sekejap ini kita dengar bahawa satu daripada sebab merosotnya jemaah haji tahun lepas ini kerana kesulitan mereka di Mekah, terutama sekali tentang pemilihan sheikh haji. Saya hendak tahu apakah keadaan yang berlaku kepada jemaah-jemaah haji yang baharu balik baru-baru ini tentang layanan yang dikatakan kesusahan pada tahun yang telah lepas menyebabkan merosotnya tahun ini, jadi jemaah-jemaah kita yang telah menunaikan fardhu haji tahun ini apa keadaan mereka itu, adakah mengalami kesulitan lagi seperti yang telah lepas ataupun sudah dapat diatasi atau bagaimana.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kesulitan dalam mengerjakan ibadat haji di Mekah tidak dapat diatasi dengan begitu senang. Tetapi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah diterima dengan baiknya oleh jemaah-jemaah haji daripada Malaysia. Mengenai masaalah-masaalah kesulitan yang lain, yang timbul dari keadaan mengerjakan ibadat haji misalnya melakukan umrah, melakukan tawaf, melakukan wukuf, melakukan jumrah, itu tidak dapat hendak diatasi. Apa yang dapat kita atasi ialah dengan memberikan pertolongan yang wajar yang diberikan oleh pegawai-pegawai kita yang kita hantar khusus untuk menyenangkan dan untuk menolong jemaah-jemaah haji kita di Mekah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tadi apabila dijawab soalan tambang kapalterbang, saya bukan mengatakan tidak boleh mencari untung, barangkali wang yang disimpan oleh orang-orang Islam di dalam Tabung Haji boleh buat modal, itu tidak menjadi apa, tetapi jangan diambil daripada keuntungan tambang kapalterbang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini, MAS ambil untung, Kerajaan Saudi Arabia ambil untung, Tabung Haji juga mengambil untung, pada hal tambang daripada Kuala Lumpur ke London pulang/balik \$1,200. Kalau Chartered Flight \$1,200-\$1,400 sahaja satu orang, tetapi pergi ke Mekah pulang/balik sampai \$2,000. Jadi inilah satu daripada sebabnya yang kurang sangat orang pergi ke Mekah, betul atau tidak begitu?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tidak betul. Oleh kerana pergi ke London ada juga orang daripada London balik kemari, jadi Chartered Flight itu selalunya penuh. Tetapi Chartered Flight MAS ke Jeddah perginya berisi pulangnya kosong—pergi berisi, pulang kosong dan waktu balik berisi dan pergi ke Jeddah kosong. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat itu ahli perniagaan tentulah dia tidak mahu rugi; berapa banyakpun mencari pahala rugi dia tidak mahu. Tetapi apa yang kita buat sekarang ini kita tidak mendapat keuntungan malahan kita memberikan khidmat. Walau bagaimanapun, kita ucapkan berbanyak terima kasih kepada jemaah-jemaah haji yang telah memberikan kerjasama kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

PENGANGGURAN KETURUNAN INDIA

2. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan apakah arahan yang telah diberi kepada Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Wilayah dan Badan-badan Berkanun di atas pengaluan yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa orang-orang Malaysia berketurunan India akan diberi peluang yang lebih dalam pekerjaan dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Awam supaya mengurangkan masaalah pengangguran di antara mereka.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi semua golongan masyarakat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan adalah sedar tentang masalah pengangguran yang sedang dihadapi oleh negara sekarang dan akan terus berusaha mengatasi masalah ini di kalangan rakyat tanpa mengira kaum atau keturunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, perlantikan seseorang itu memasuki perkhidmatan awam dan Badan-badan Berkanun hendaklah mempunyai kelayakan secukupnya mengikut kehendak-kehendak Sekim Perkhidmatan syarat-syarat perlantikan dan juga berdasarkan kepada kebolehan yang sesuai dengan jawatan-jawatan berkenaan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum iaitu masalah-masalah yang sedang dialami oleh kaum India di Malaysia jika kita pandangan dari segi pekerjaan, dari segi mendapat kerakyatan, dari segi pekerjaan, perniagaan dan lain-lainnya bukan masalah satu kaum sahaja. Kerajaan patut memandangkan masalah-masalah yang dialami oleh satu-satu kaum seperti masalah kebangsaan baharu Kerajaan boleh mengatasi masalah seperti ini.

Adakah di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga masalah-masalah yang dialami oleh kaum India diterima sebagai masalah kebangsaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi Kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh semua kaum, dan masalah yang dihadapi oleh kaum keturunan India termasuklah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PROJEK PEMBANGUNAN DI KELANTAN

3. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakob minta Perdana Menteri menerangkan apakah jenis projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga yang telah mulai dilaksanakan di Kelantan dalam tempoh setahun berlalunya tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga baru diluluskan oleh Parlimen pada bulan Ogos, 1976. Dalam Rancangan ini terdapat banyak projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kedua dahulu dan dalam tempoh lima bulan berlalunya Rancangan Malaysia Ketiga ini, projek-projek yang dilaksanakan di Kelantan dan di negeri-negeri lain di Malaysia adalah sebahagian daripadanya merupakan projek-projek sambungan dalam semua bidang seperti pelajaran, kesihatan, pertanian, perindustrian, infrastruktur dan sebagainya.

STADIUM MERDEKA/STADIUM NEGARA

4. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) jumlah harga bagi membina Stadium Merdeka dan Stadium Negara; dan
- (ii) jumlah wang yang telah dikutip dari kedua-dua Stadium tersebut sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) jumlah harga bagi membina Stadium Merdeka ialah \$5.1 juta dan untuk membina Stadium Negara ialah \$4 juta.
- (ii) jumlah wang yang dikutip dari kedua-dua stadium sehingga sekarang ialah \$3,917,123.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Peruntukan yang dikehendaki kerana membaiki Stadium Negara kita, tidakkah Kerajaan boleh menyelenggarakan sendiri peruntukan itu dengan tidak mengharapkan derma daripada orang ramai. Adakah Kerajaan berupaya?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Stadium Merdeka dan Stadium Negara ialah satu Perbadanan di bawah Kementerian saya dan perbelanjaannya adalah self-supporting.

LESEN LUMBA ANJING

5. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaakob minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa Kerajaan telah enggan untuk mengeluarkan lesen-lesen lumba anjing.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan enggan mengeluarkan lesen bagi perlumbaan anjing ini oleh kerana ianya merupakan satu tambahan kepada bentuk perjudian. Mengadakan perlumbaan anjing ini sungguhpun boleh menambahkan hasil Kerajaan dan peluang-peluang pekerjaan tetapi ianya akan mendatangkan kecaman-kecaman dan anggapan kurang baik dari berbagai golongan masyarakat dan dari segi ugama. Oleh itu keengganan Perbendaharaan mengeluarkan lesen perlumbaan anjing ini adalah difikirkan tindakan yang bijak dan baik.

PENGEDAR DADAH DI BAWAH ORDINAN DHARURAT

6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pengedar dadah seluruh negeri telah dapat diberkas atas tindakan di bawah Ordinan Dharurat pada akhir tahun ini dan nyatakan pengedar besar yang ada mempunyai hubungan tempatan dan seberang laut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb November, 1976, seramai 163 orang pengedar dadah telah ditangkap di bawah Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan 25 orang daripada jumlah itu adalah pengedar dadah yang mempunyai hubungan antarabangsa. Dari jumlah 163 orang pengedar dadah yang ditangkap di bawah undang-undang ini, 154 telah dihantar ke Pulau Jerejak dan 9 dikenakan Perintah Sekatan.

Jumlah ini tidak termasuk kes-kes yang dituduh di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan merebaknya penderaan dadah di seluruh dunia yang dibawa oleh rakyat Malaysia apakah rancangan Kerajaan untuk mengawal dan menjaga belia-belia kita supaya tidak termasuk sedikit pengedar dadah yang dianggap merbahaya kepada negara?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kena-mengena dengan soalan yang asal, tetapi dalam soal

dadah ini sebagaimana yang kita tahu sudah ada badan yang dinamakan PEMADAM yang akan memadamkan perkara ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal dadah dan berapa ramai orang yang mengedar dadah serta apa akan terjadi kepada pengedar dadah ini apabila ditangkap, jikalau sekiranya pengedar dadah itu orang Malaysia ditangkap di luar negeri seperti di Holland baru-baru ini dan dimasukkan di dalam jel di Holland. Mengikut undang-undang kita baru-baru ini, iaitu siapa sahaja yang mengedar dadah, sekiranya dapat ditangkap, ia akan dihukum bunuh (gantung) atau dijel seumur hidup. Jikalau orang itu balik ke tanahair kita, apakah hukumannya terhadap orang itu?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, warganegara kita yang ditangkap di luar negeri mengikut undang-undang, mereka itu kena menjalani undang-undang di sana, tetapi apabila mereka balik ke tanahair, kita tidak boleh terus menghukum mereka, sebaliknya kena disiasat dahulu dan tindakan undang-undang akan diambil seterusnya.

PERUBAHAN NEGARA VIETNAM LAOS/KEMBOJA/THAILAND

7. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan adanya perubahan yang berlaku di negara-negara Vietnam, Laos, Kemboja dan Thailand, adakah memberi kesan kepada keselamatan negara kita. Dan tidakkah memberikan satu tekanan ideologi negara asing terhadap negara. Dan adakah Kerajaan mengadakan satu persediaan supaya tidak menjejaskan keselamatan negara kita.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, pada anggapan saya perubahan-perubahan yang berlaku di negara-negara jiran, kemungkinan memberi kesan kepada negara kita adalah bergantung kepada jenis atau corak-corak perubahan yang telah terjadi di dalam negara-negara itu. Oleh yang demikian, tidaklah boleh saya memberi penjelasan di atas kesan ini dengan teliti kerana ini akan menjadi satu analisa, fikiran dan menjadikan anggapan sahaja. Negara kita ada perhubungan diplomatik dengan negara-negara yang

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan dasar perhubungan diplomatik ini, Kerajaan kita berhasrat mengadakan perhubungan rapat dengan mereka semua dan di atas dasar ini pula adalah diharapkan bahawa hal-hal dalam negeri, kita tidak campurtangan di antara satu dengan lain. Dengan demikian, hal-hal dalam negeri kita adalah menjadi hak dan masaalah kita supaya mengambil tindakan sewajarnya supaya keselamatan dalam negeri kita terjamin dan tidak terjejas.

MURID-MURID PONTENG SEKOLAH

8. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah seriusnya keadaan ponteng sekolah di kalangan murid-murid pada masa sekarang; berbagai-bagai jenis dan peringkat sekolah (rendah, menengah dll.) yang terlibat dalam keadaan ini dan bila khasnya dalam jangka masa sesuatu tahun itu berlakunya kadar kejadian ponteng sekolah yang paling tinggi sekali; dan adakah ponteng sekolah ini disebabkan khususnya kerana adanya sistem naik darjah tanpa peperiksaan atau kuasa tarikan ke pelajaran-pelajaran sekolah itu sangat berkurangan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa perkara ponteng sekolah ini merupakan perkara yang sedang hangat diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun mengarahkan supaya satu kajian dibuat dan laporannya dikemukakan kepada beliau dengan segera. Oleh itu, untuk masa ini maafkan saya tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, inginlah saya menegaskan di sini bahawa perkara ponteng sekolah ini untuk masa ini tidaklah begitu serius sebagaimana yang dijangkakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Secara am dapat saya katakan bahawa dalam satu-satu masa kadar ponteng yang tertinggi sekali ialah sebelum atau selepas peperiksaan umum dan jua pada hari-hari kebesaran ugama. Ada beberapa sebab mengapa kejadian ini berlaku, walau bagaimanapun inginlah saya menyatakan bahawa ponteng sekolah bukanlah disebabkan semata-mata kerana sistem naik darjah tanpa peperiksaan atau kuasa tarikan di sekolah sangat kurang.

BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

9. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil bagi memaju dan meninggikan taraf pengajaran dan mutu pencapaian pelajaran dalam Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, memandangkan bahawa lebih daripada 70% murid-murid di sekolah-sekolah tersebut itu gagal di dalam peperiksaan Penilaian darjah lima.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kementerian Pelajaran bagi memaju dan meninggikan taraf pengajaran dan mutu pencapaian pelajaran dalam Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil boleh dibahagikan kepada dua peringkat.

Untuk memaju dan meninggikan taraf pengajaran dalam Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji Sukatan Pelajaran yang sedia ada dengan tujuan membaiki isi kandungan agar sesuai dengan keadaan masa dan kebolehan murid-murid dan seterusnya menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran yang berkaitan.

Kementerian Pelajaran kini juga sedang menyediakan bahan-bahan tambahan seperti bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran termasuk bacaan tambahan dan modul (method) pengajaran Bahasa Malaysia dengan tujuan bukan sahaja mengatasi masalah-masalah tertentu tetapi juga memudahkan guru-guru menumpukan perhatian yang lebih terhadap murid-murid yang memerlukan perhatian khas.

Peringkat kedua ialah satu kajian berkenaan guru-guru akan dijalankan juga untuk menentukan kebolehan guru-guru sekolah rendah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Setelah kajian-kajian itu dijalankan dan masaalah-masaalahnya diuraikan, Kementerian Pelajaran akan mengadakan kursus dalam perkhidmatan (in service courses) untuk membaiki keadaan, jika dianggap perlu. Dalam pada itu bakal-bakal guru Bahasa Malaysia akan diberi latihan yang akan membolehkan mereka

mengajar dengan lebih berkesan lagi, termasuk latihan-latihan dalam gerakerja-gerakerja pemulihan setelah mereka didedahkan (exposed) kepada masalah-masalah khas bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi melawat ke sekolah-sekolah Tamil di estet-estet untuk mengetahui bagaimana jatuhnya pelajaran murid-murid di dalam sekolah-sekolah tersebut bukan sahaja di dalam mata pelajaran Bahasa Kebangsaan tetapi dalam apa sahaja mata pelajaran dan apakah sebab-sebabnya. Di dalam sekolah-sekolah Tamil di estet-estet disiplin langsung tidak ada. Bolehkah disiplin di sekolah-sekolah Tamil di semua estet di seluruh tanahair kita ini diketatkan supaya pelajaran murid-murid Tamil di sekolah-sekolah itu dapat meningkat tinggi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telahpun menjawab soalnya sendiri. Disiplin bolehlah dikatakan benda yang tidak artificial tetapi kongkrit yang mana kalau dapat dilakukan khasnya di sekolah-sekolah kita misalnya sekolah-sekolah rendah yang mana bila kita sudah dapat menjalankan kerjakerja yang baik tentulah kita boleh melahirkan satu jenerasi muda dengan penuh dedikasi dan taat setia kepada negara. Oleh sebab itu, Kementerian Pelajaran telah menгарahkan pada beberapa tahun yang lalu supaya ditubuhkan Persatuan Ibumapa dan Guru-guru, selain daripada usaha-usaha dan juga tunjuk ajar daripada Guru Besar dan juga guru-guru bolehlah Persatuan Ibumapa dan Guru-guru dengan usaha bersama akan dapat meningkatkan disiplin di dalam sekolah-sekolah. Jadi soal berkenaan dengan sekolah-sekolah di dalam estet itu memanglah ada kelemahan-kelemahan ataupun kekurangan-kekurangan lain yang boleh menjadikan atau melibatkan kekurangan disiplin di sekolah-sekolah estet itu. Walau bagaimanapun, kita berharap jikalau dapat pertolongan daripada pihak-pihak yang berkenaan, disiplin dapat ditinggikan atau diperbaiki lagi di sekolah-sekolah yang terdapat di estet-estet itu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekolah-sekolah yang buruk sekali di tanahair kita ialah Sekolah-

sekolah Tamil bukan sahaja di estet-estet bahkan juga di bandar-bandar. Didapati bukan sahaja dari segi guru-guru yang kurang kelayakan mengajar Bahasa Kebangsaan tetapi murid-murid juga terpaksa belajar di dalam keadaan teruk seperti ketiadaan kerusi, meja dan alat-alat perkakas sekolah. Adakah apa-apa rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi mengatasi masalah yang dialami oleh Sekolah-sekolah Tamil ini supaya dapat Kerajaan menukar keadaan kepada yang lebih baik lagi pada masa yang akan datang dan menempatkan guru-guru berke Layakan mengajar Bahasa Kebangsaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang menimbulkan perkara-perkara tersebut yang berlainan dengan soalan pokok. Walau bagaimanapun, saya sukalah mengambil peluang di sini untuk menjawabnya iaitu sekolah-sekolah itu memanglah ada tawarikh (history) di belakang. Misalnya, hak milik tanah sekolah-sekolah masing-masing itu tidak dipunyai oleh Kerajaan. Oleh sebab itu, pihak Kementerian cuma boleh menolong Sekolah Tamil dengan cara bantuan modal yang mana pihak Kementerian Pelajaran ataupun Kerajaan hanya boleh memberikan bantuan 50% setinggi-tingginya kepada pembinaan atau menyediakan kelengkapan dan sebagainya. Saya pun telah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali iaitu jikalau mana-mana sekolah di dalam ladang-ladang itu didapati kemudahannya masih dalam keadaan tidak sesuai, selain daripada bantuan atau pertolongan daripada Kementerian Pelajaran kita berharap juga pihak-pihak management ladang-ladang besar itu yang mana kita dapat tahu tiap-tiap tahun mereka mendapat hasil yang sangat banyak dan ada sebahagian daripadanya dibawa balik ke negara masing-masing. Kita berharap oleh kerana murid-murid atau anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah di dalam ladang-ladang ini adalah terdiri dari anak-anak pekerja di dalam ladang-ladang itu sendiri maka adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan (management) ladang supaya memberi perkhidmatan atau bantuan dan pertolongan kepada anak-anak pekerja estet mereka. Jikalau kita dapat pertolongan dari dua pihak iaitu satu pihak daripada Kementerian Pelajaran dan satu pihak lagi daripada management dan

satu pihak lagi sedikit barangkali dari ibu-bapa atau pekerja-pekerja itu tentulah dalam masa yang singkat kita boleh melengkapkan banyak sekolah-sekolah di dalam ladang itu.

Masalah yang dihadapi sekarang ialah selain daripada bantuan 50% dari Kementerian Pelajaran, 50% lagi adalah dari pihak yang lain. Ini menyebabkan banyak Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau China di mana hak miliknya tidak dipunyai oleh Kerajaan tidak dapat dilengkapkan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan Kementerian Pelajaran bagi tahun ini sahaja adalah lebih kurang \$2 juta untuk membantu sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang tanah ladang-ladang besar itu yang mana kita tahu tapak-tapak sekolahnya itu hak miliknya bukan dipunyai oleh Kerajaan. Jadi, saya suka mengambil peluang di sini merayu kepada pihak pengurusan (management) estet-estet yang besar mestilah memberikan sumbangan (contributions) bukan untuk Kerajaan atau untuk sesiapa tetapi ialah untuk anak-anak pekerja-pekerja ladang mereka sendiri.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Soalan tambahan. Berbalik kepada kelemahan-kelemahan Bahasa Kebangsaan di Sekolah Tamil ini, saya ingin tahu dari Menteri yang berkenaan adakah method mengajar Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah rendah itu sama sahaja. Jika benar, adakah oleh sebab sama methodnya yang diajar bahasa Kebangsaan di sekolah rendah itu menyebabkan bahawa mutu pengajaran bahasa Kebangsaan di sekolah Tamil menjadi lemah.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak jika kita bandingkan pengajaran Bahasa Malaysia dalam sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan, barangkali ada berlainan sedikit oleh kerana curak murid-murid ada berlainan sedikit. Tetapi apa yang saya telah kata dalam jawapan saya tadi iaitu bila kita menghantar guru-guru ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan, baik Jenis Kebangsaan Tamil atau China, kita selalu memberikan modul atau method pengajaran yang khas kepada guru-guru itu supaya selain daripada boleh tunjukkan kebolehan mengajar dengan cara bebas, tetapi ada cara yang istimewa yang mana barangkali oleh kerana asas bahasa daripada murid-murid itu ada berlainan sedikit. Jadi, barangkali ada modul atau method yang

lain boleh menambahkan ilmu atau pengetahuan itu kepada murid-murid itu. Jadi, Kementerian Pelajaran sedang menyedari perkara ini dan kita telahpun mengambil beberapa langkah yang kongkret dan aktif juga supaya dapatlah kita memberikan perhatian yang khas kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan itu.

POLISI INSURAN TEKSI

10. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada atau tidak beliau sedar bahawa tuan punya teksi menghadapi kesusahan semasa membarahu polisi Insuran Tahunan kerana Syarikat Insuran enggan berbuat demikian disebabkan bahaya kelonggaran yang tinggi yang mungkin akan dilakukan oleh teksi, dan jika sedar, apakah langkah yang sesuai bagi membetulkan keadaan itu.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Chong Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar ada setengah-setengah tuannya teksi menghadapi kesukaran hendak membarahu polisi insuran teksi mereka khususnya polisi insuran komprehensif tahunan. Perkara ini telah mendapat perhatian daripada Kerajaan dan pada masa ini langkah sedang diambil untuk mengatasi masalah ini iaitu mengkaji cadangan untuk mengadakan "Designated Risk Pool" oleh pihak Insuran bagi pengeluaran insuran komprehensif khusus bagi teksi dan bas sekolah. Adalah diharap apabila cadangan ini dapat dilaksanakan nanti masalah kesukaran mendapatkan polisi insuran komprehensif bagi teksi-teksi tidak akan timbul lagi.

DOKTOR GIGI

11. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Doktor Gigi yang dihantar keluar Negeri untuk pengajian lanjutan siswazah dalam tahun 1974 hingga sekarang dengan biasiswa Kerajaan, dan bilangan jumlah Doktor Gigi yang mempunyai ijazah tinggi sedang berkhidmat dalam hospital kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Doktor Gigi yang telah dihantar ke luar negeri untuk pengajian lepasan ijazah

dalam tahun 1974 hingga sekarang dengan biasiswa Rancangan Colombo, biasiswa Commonwealth, biasiswa Persekutuan dan Dermasiswa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah seperti berikut:

1974—

Fellowship in Dental Surgery Royal College of Surgeons, United Kingdom (FDSRCS)	2 orang
Diploma of Dental Public Health, United Kingdom (DDPH)	2 orang
Inter-regional Course in Oral Oncology, di Copenhagen, Denmark anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia	1 orang
Jumlah ...	<u>5 orang</u>

1975—

Fellowship in Dental Surgery Royal College of Surgeons, United Kingdom (FDSRCS)	1 orang
Diploma of Dental Public Health, United Kingdom (DDPH)	3 orang
Training Course on National Health Planning, Manila	1 orang
Jumlah ...	<u>5 orang</u>

1976—

Fellowship in Dental Surgery Royal College of Surgeons, United Kingdom (FDSRCS)	1 orang
Diploma in Orthodontics (United Kingdom)	1 orang
Jumlah ...	<u>2 orang</u>

Bilangan doktor gigi yang mempunyai ijazah tinggi yang sedang berkhidmat dalam hospital-hospital Kerajaan ialah 49 orang. Pecahannya mengikut ijazah-ijazah tinggi ialah seperti berikut:

Fellowship in Dental Surgery (FDSRCS)	19 orang
Diploma of Orthodontic (Dip. Ortho)	13 orang
Diploma of Dental Public Health (DDPH)	17 orang
Jumlah ...	<u>49 orang</u>

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini masih kekurangan Doktor Pergigian, dan kalau kurang, bila jangka masanya dapat ditampungkan sehingga ia boleh mencukupi.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak mengalami kekurangan Doktor Gigi

oleh kerana pada saat ini sebanyak 290 orang Doktor-doktor Gigi yang sedang berkhidmat di dalam hospital-hospital dan di dalam pusat-pusat kesihatan di seluruh negara.

AKTA PAJAK GADAI

12. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kerajaan akan mengulangkaji peruntukan-peruntukan Akta Pajak Gadai supaya kepentingan pengguna-pengguna kedai pajak tersebut terselamat dengan adanya catitan-catitan yang lebih jelas dalam surat-surat gadai dalam Bahasa Kebangsaan, Bahasa Tamil dan Bahasa China dan juga mempamirkan kadar faedah secara terbuka di dalam kedai-kedai pajak dan supaya mengenakan hukuman-hukuman yang berat ke atas mereka yang menyalahgunakan Akta itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, (a) Kerajaan tidak akan mengulangkaji peruntukan-peruntukan Akta Pajakgadai yang ada kerana kepentingan pengguna-pengguna kedai pajakgadai adalah terselamat. Setakat ini ada terdapat catitan-catitan yang jelas dalam surat-surat gadai dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa China, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.

(b) Kadar faedah secara terbuka ada terdapat di dalam kedai-kedai pajakgadai yang dipamirkan di papan-papan kenyataan.

(c) Pegawai-pegawai pelesen tiap-tiap negeri adalah berkuasa untuk menyiasat kedai-kedai pajakgadai yang menyalahgunakan Akta itu dan jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman yang berat seperti:

- (i) Didenda tidak lebih daripada \$2,000;
- (ii) Membatalkan lesen pajak gadai jika pemegang lesen telah disabitkan kerana sesuatu kesalahan mengenai tipuan atau kecurangan atau kerana melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau di mana-mana syarat lesennya; atau
- (iii) Jika apa-apa bayaran yang kena dijelaskan mengenai lesen itu atau mana-mana bahagian bayaran itu tidak dijelaskan apabila sampai tarikhnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini bercadang pada masa yang akan datang kelak bahawa catitan dalam pajak gadai itu tidak menggunakan berbagai-bagai bahasa hanya menggunakan Bahasa Kebangsaan sahaja.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Pemegang Pajak Gadai, 1972 Fasal 6 (2) ada disebutkan surat pajak gadai dan catitan di dalamnya Bahasa Kebangsaan tetapi oleh kerana ini bukan bersabit surat-surat rasmi dengan Kerajaan supaya tuan-tuan punya kedai pajak gadai itu dapat memberi fahaman dan mengelakkan orang yang menghantar barang-barang di pajak gadai itu ditipu, maka itulah diberi kemudahan mereka menggunakan bahasa-bahasa yang boleh difahami oleh pelanggan-pelanggan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah dengan keadaan begini bahawa Kementerian ini juga menggalakkan penyuburan bahasa-bahasa kaum-kaum lain dalam negeri ini tidak menggunakan bahasa yang tunggal padahal dalam Perlembagaan berkehendakkan supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi dalam Peraturan ini memang Bahasa Kebangsaan diwajibkan dan kalau boleh menggunakan satu bahasa itu lebih baik lagi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian mengarahkan; bukan hendak membuat undang-undang, tentang kertas yang digunakan sekarang ini nampak sebelah dan kalau digulung tidak nampak lagi, sebab tulisannya itu kabur. Boleh atau tidak diarahkan supaya kertas itu ditukarkan dan huruf-hurufnya itu dibesarkan. Kalau macam yang ada sekarang ini terpaksa mengambil cermin mata baharu nampak, kalau tidak, tidak boleh.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Peraturan ini Fasal 6 (1) berbunyi:

“Surat pajak gadai hendaklah dari jenis kertas bernama kertas “Lazuardi” dan hendaklah mengundungi butir-butir—ada 10 butir-butir dan semuanya itu hendaklah

dicatitkan dengan terang. Walau bagaimanapun, bolehlah syur Ahli Yang Berhormat itu ditimbang dan kalau boleh Ahli Yang Berhormat itu beri satu contoh besar mana-mana yang dikehendaki.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengkehendaki jawapan tentang samada akan diulang kaji ataupun tidak Akta Pajak Gadai ini. Saya suka hendak buat soalan tambahan sedikit, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat sesuatu perubahan supaya pajak gadai ini dilaksanakan oleh Kerajaan sendiri, tidak oleh swasta untuk kepentingan pengguna-pengguna dan orang yang susah hendak memerlukan wang dengan mengadakan perbadanan-perbadanan mengadakan urusan pajak gadai supaya terlepas daripada sebarang kemungkinan penipuan oleh swasta.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Perkara itu boleh kita kaji kemudian.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PENCARUM

13. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Kewangan menyatakan adakah cadangan untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan tujuan supaya pencarum-pencarum dapat mengeluarkan simpanan mereka pada bila-bila masa pun untuk mendirikan atau membeli rumah sendiri dan tidak semestinya hingga mencapai umur tertentu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri pun telah mengumumkan secara lanjut mengenai Skim Pinjaman Rumah Murah di Dewan ini pada 13-12-76 dalam perutusan Belanjawan Tahun 1977. Ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan boleh mengeluarkan 10% atau sebanyak \$2,000 yang mana lebih rendah daripada wang caruman mereka yang terdapat di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu apabila Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dipinda. Baki sebanyak 90% lagi boleh didapati melalui pinjaman daripada Syarikat Malaysia Building Society Berhad yang juga mendapat pinjaman daripada Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

untuk menentukan samada ia penagih atau tidak. Dengan adanya peruntukan ini, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah dengan sendirinya terjawab.

FILEM MELAYU DI TV MALAYSIA

15. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah TV Malaysia seringkali menayangkan filem-filem Melayu pada malam Sabtu dengan filem-filem lapuk kebanyakan keluaran tahun lima puluhan jauh jika dibandingkan dengan tayangan filem China dan Hindustan.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini filem-filem Melayu yang baru adalah sukar didapati, tidak seperti filem-filem China dan Hindustan. Filem-filem Melayu yang dikeluarkan sejak awal dari 8 tahun dahulu adalah filem-filem yang paling baru yang hanya boleh didapati dari penganjur-penganjurnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah hanya 6 buah filem-filem Melayu yang serupa ini didapati untuk tayangan di TV Malaysia. Filem-filem Melayu yang lain merupakan keluaran yang lebih dari 8 tahun, iaitu filem-filem tersebut selepas ditayangkan di pawagam-pawagam atau di panggung-panggung wayang gambar seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk mendapatkan filem-filem Melayu yang terbaru dari syarikat-syarikat perfileman atau penganjur-penganjurnya.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa pada malam Christmas baru-baru ini sebuah filem Indonesia bernama "Rakit" telahpun ditayangkan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa filem ini tidak memberikan satu-satu faedah kepada rakyat yang menengok berjuta-juta mata bahkan menjolokkan nafsu dan hati rakyat kepada filem itu bahawa filem ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang tidak boleh diiklankan di dalam surat-khabar-suratkhabar.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, filem tersebut telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapis Filem, barulah boleh ditayangkan dan filem ini telah ditempah lama dan telah dikaji oleh Kementerian ini. Oleh kerana mengisikan masa, maka filem itu ditayangkan.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, filem ini telah lama mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapis Filem, tetapi keadaan negara kita sekarang berlainan, adakah filem ini patut difikirkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ditayangkan di TV?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah terangkan tadi bahawa pihak Lembaga Penapis Filem telah mengesahkan bererti filem ini boleh ditayangkan. Walau bagaimanapun, perkara yang berat yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di England, filem Inggeris ditayangkan di panggung-panggung wayang; di Amerika, filem Amerika ditayangkan; di negeri China, filem China ditayangkan; di India, filem India ditayangkan banyak sekali; di negeri kita. Bahasa Kebangsaannya ialah bahasa Melayu tetapi setahun dua kalipun tidak sampai, itupun filem yang sudah lapuk ditayangkan. Adakah ini betul atau tidak, oleh kerana Cathay dan Shaw Brothers monopoli filem-filem yang datang daripada luar negeri, bukan sahaja filem tetapi juga panggung-panggung wayang dimonopoli oleh Cathay dan Shaw Brothers, dengan sebab itu tidak ada tempat langsung filem-filem Melayu, kalau kita buat filem pun hendak tayangkan di khalayak ramai tidak dapat. Boleh atau tidak perkara ini diubati oleh Kerajaan, samada Kementerian Penerangan ataupun Kementerian-kementerian lain untuk mengubati supaya filem Melayu ditunjukkan di dalam tempoh satu bulan sekurang-kurangnya 7 kali. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. Saya ingat eloklah diberi notis supaya dapat dijawab dengan lebih jelas.

PERISTIHARAN KUALA LUMPUR

16. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Luar Negeri menyatakan semenjak gagalnya Malaysia mendapatkan pengesahan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali Yang Kelima yang berlangsung di Sri Lanka baru-baru ini terhadap Perisytiharan Kuala Lumpur, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mendapatkan sokongan dari semua atau kebanyakan negara-negara berkecuali dalam masalah ini dan bagai manakah kemajuan yang telah dicapai dengan menamakan negara-negara yang menyokong dan menentang setakat ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa pada masa-masa yang lepas telahpun mengambil tindakan memberi penjelasan kepada negara-negara berkecuali dan konsep menubuhkan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali telahpun diterima di Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Algiers pada tahun 1973 dan Persidangan Negara-negara Commonwealth di Ottawa dalam tahun itu juga. Selepas itu kita sentiasa memperhebatkan lagi matlamat kita di dalam semua forum antarabangsa di Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN dan juga di Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali awal tahun lalu.

Saya terlebih lagi puashati jikalau cadangan ini dapat dibincangkan dan ditimbangkan seterusnya. Saya suka menerangkan iaitu di dalam Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo di dalam bulan Ogos baru-baru ini cadangan untuk menubuhkan sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali tidak dapat dibentangkan adalah disebabkan kesuntukan masa. Cadangan ini baik di dalam Jawatankuasa Politik dan semua dalam plenary Menteri-menteri Luar tidak dapat dibincangkan langsung dan apabila perkara ini sampai di peringkat preliminary Menteri-menteri Luar masanya sudah jauh malam. Pengerusi persidangan itu dengan sendirinya memutuskan bahawa kita tidak mahu membukakan perbahasan perkara ini oleh sebab masanya tidak mengizinkan dan dirujuk kepada Biro Penyelarasan di New York.

Saya sukacita memaklumkan bahawa di dalam lawatan saya dan juga pada masa-masa perjumpaan saya dengan Menteri-menteri

Luar Negara-negara lain, saya sentiasa mengamabil peluang menerangkan konsep cadangan kawasan Asia Tenggara ini satu kawasan aman, bebas dan berkecuali dan sukacita saya maklumkan saya sangatlah puashati di atas sokongan-sokongan yang diberikan oleh mereka di atas konsep ini. Di dalam perjumpaan saya dengan rakan-rakan saya itu dari negeri-negeri asing di Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini saya telah juga mengambil peluang untuk menerangkan lagi cadangan konsep ini. Dengan sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dengan tertubuhnya kedutaan-kedutaan besar Malaysia di Laos dan Sosialis Republik Vietnam suatu jalan telahpun terbuka untuk hubungan rapat di antara kedua-dua buah negara. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pada bulan Julai yang lalu dengan sukacita saya telah menyambut Timbalan Menteri Luar Sosialis Republik Vietnam dan baru-baru ini dalam bulan November Duta Besar kita telahpun dihantar ke Hanoi. Dengan perhubungan-perhubungan di peringkat diplomatik kita akan dapat memajukan lagi perhubungan kedua buah negara di semua bidang. Mudah-mudahan langkah-langkah yang telah diambil ini akan meluaskan lagi bidang-bidang kerjasama di antara kedua buah negara dan ini akan membawa kepada persefahaman yang lebih baik mengenai cadangan, harapan dan cita-cita kita. Hanya melalui keamanan dan keazaman sahajalah rakyat-rakyat di Asia Tenggara boleh mengambilkan bahagian di dalam keazaman bersama untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar apabila balik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari persidangan di Sri Lanka bahawa beliau telah mengadakan persidangan akhbar luar dan dalam negeri yang mengatakan ketidakpuasan hatinya tentang cara perjalanan dan mesyuarat yang dijalankan di persidangan Sri Lanka itu. Adakah Perdana Menteri Sri Lanka yang baru melawat negeri kita ini datang ke sini sebagai satu pujukan atau kita ada menguatarakan perkara yang berbangkit di Sri Lanka kepada Yang Amat dihormati Perdana Menteri Sri Lanka baru-baru ini.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau Yang Berhormat ada di Wisma Putra pagi tadi saya rasa soalan tambahan ini tidak perlu diadakan. Walau bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat tidak ada pada pagi tadi, maka saya sukacitalah menjawabnya.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Sri Lanka, Puan Bandaranaike ini adalah dikatakan lawatan muhibbah kepada Malaysia. Sambil membuatkan lawatan muhibbah ini banyaklah perkara-perkara dibincangkan dan ini terpulangnya kepada pihak yang berkenaan memahamkan lawatan itu. Itu terpulangnya kepada beliau sendiri yang membuatkan lawatan itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Konsep aman, damai dan berkecuali untuk Malaysia dan juga ASEAN saya memang menyokong sepenuhnya. Siapa yang tidak hendak aman, siapa yang tidak hendakkan damai dan siapa yang tidak hendakkan berkecuali. Tidak payah berperang-perang, baik Ceylon, Laos atau Cambodia dan sebagainya, ini tidak menjadi soal kepada keamanan, damai dan berkecuali ini. Tetapi yang penting sekali saya fikir dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kuasa-kuasa besar seperti Russia, Amerika, Republik Komunis China sehingga hari ini menyokong kita di atas dasar aman, damai dan berkecuali. Adakah telah dirisik-risik ketiga kuasa yang besar ini bersetuju di atas perkara ini.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tepat sangatlah pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu di atas perkara ini. Untuk menjawab soalan ini, pada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang lepas, Republik Rakyat China telahpun mengatakan dengan sebulat suara di atas sokongan konsep Asia Tenggara ini dijadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali. Daripada super powers yang lain seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi kita menunggu masa bagaimana keadaannya dan kita berharap bukanlah sahaja kuasa besar bahkan semua negara di dalam dunia ini akan menyokong konsep ini oleh sebab konsep ini adalah konsep yang terbaik pada padangan kita dan ini sejajar, sesuai dan selaras dengan apa yang tercatat dalam Charter United Nations. Sebab itulah konsep ini diberikan

sebagai principal exponent oleh Malaysia untuk menjadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara ini. Maka sebab itulah kita berharap mudah-mudahan pada masa yang akan datang konsep ini akan wujud dan diberikan sokongan penuh oleh semua negara dalam dunia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANTU-PEMBANTU HOSPITAL (PENDAFTARAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.39 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran), 1976 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran) mendaftarkan pembantu-pembantu hospital dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Langkah ini dapat menjelaskan kedudukan, taraf dan bidang tugas pembantu-pembantu hospital sebagaimana juga kedudukan, taraf dan bidang tugas jururawat-jururawat dijelaskan di bawah Akta Jururawat (Pendaftaran) 1960.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga terdiri daripada seorang yang dipertua, seorang setiausaha dan beberapa ahli lain sebagaimana diputuskan oleh Menteri Kesihatan. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan akan menjadi sebagai Yang di-Pertua Lembaga dan Ketua Pembantu Hospital sebagai Setiausaha.

Fasal 6 adalah berkenaan dengan penyenggaraan suatu daftar pembantu-pembantu hospital yang akan dibuat dalam bentuk yang ditetapkan. Fasal 7 menghadkan pengambilan bekerja orang-orang sebagai pembantu hospital dalam institusi-institusi tertentu kepada orang-orang yang didaftarkan di bawah Akta sahaja. Bagaimanapun, Fasal 8 mengadakan peruntukan kecualian berkenaan dengan orang-orang yang telahpun

diambil bekerja sebagai pembantu hospital pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta dengan memperuntukkan bahawa orang-orang itu hendaklah terus berada dalam pekerjaannya selama tempoh tiga tahun dan selepas daripada itu mereka akan terhenti daripada bekerja sebagai pembantu hospital melainkan jika sebelum daripada itu mereka didaftarkan di bawah Akta ini.

Fasal 9 adalah berkenaan dengan orang-orang yang berhak didaftarkan sebagai pembantu hospital dan Fasal 10 mengadakan peruntukan supaya nama-nama mereka dicatitkan dalam daftar dan supaya perakuan pendaftaran dikeluarkan. Fasal 12 menyatakan alasan-alasan yang atas mana nama-nama orang boleh dipotong dari daftar dan Fasal 17 membolehkan orang-orang yang terkilang merayu kepada Menteri.

Fasal 22 menetapkan beberapa perkara tertentu yang mengenainya peraturan-peraturan boleh dibuat oleh Menteri sebagai tambahan kepada kuasa amnya untuk membuat peraturan-peraturan. Fasal-fasal lain adalah mengenai hal memasukkan semula dalam daftar nama-nama yang telah dipotong darinya, penalti-penalti kerana melanggar Akta dan lain-lain peruntukan yang perlu atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran), 1976, bagi bacaan kali yang kedua dan diluluskan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.45 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini dan saya ingin memberikan pendapat saya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat membuat Bill ini yang begitu baik dan teratur dan saya berharap akan dapat dijalankan, janganlah tinggal di kertas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah merdeka 19 tahun, mengapakah negara kita terlampau banyak dispensari-dispensari dan klinik-klinik yang diberi lesen oleh Kerajaan di merata-rata bandar dan pekan-pekan di

Malaysia ini dan kebanyakan pula doktor-doktor yang telah bertugas di hospital Kerajaan telah lari menubuh klinik atau dispensari sendiri. Saya merayu kepada Kerajaan mulai tahun 1977 akan datang patut tidak ada lesen-lesen dispensari dan klinik lagi akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Apa yang saya berharap supaya Kerajaan supaya persatuan doktor-doktor itu dibenarkan mendirikan hospital-hospital sendiri di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang pe-lawat General Hospital, Kuala Lumpur dan saya hairan setiap hari penuh sesak orang-orang sakit dan bermacam-macam penyakit dan setiap hari ada kes kemalangan sehingga kita dapati tidak ada tempat katil lagi di General Hospital itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana pada masa ini pembantu-pembantu hospital pun sudah terlampau banyak di negara kita tetapi tidak didaftarkan. Saya harap apabila dikuatkuasakan Undang-undang ini segala pembantu-pembantu hospital akan didaftarkan, ini termasuk juga segala pembantu hospital yang di estet yang berkelibaran. Apabila kuasa Undang-undang Pembantu Hospital didaftarkan, pembantu hospital di estet dan juga dispensari/klinik private ataupun segala pembantu hospital yang bekerja di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, Pembantu-pembantu Hospital adalah satu jawatan yang baik pada pandangan saya kerana mereka bertugas menolong doktor-doktor, matrons, sisters, staff nurses, nurses dan orang-orang yang datang ke hospital yang minta pertolongan dari mereka. Maka saya berharap juga gaji-gaji mereka patut juga dinaikkan dari gaji yang ada sekarang kerana kerja mereka di hospital terlampau banyak. Pembantu Hospital inilah yang banyak tugasnya setiap hari dan ada pula yang kena marah oleh doktor dan pegawai-pegawai di atasnya. Itulah sebabnya saya katakan kerja-kerja Pembantu Hospital ini kerja yang baik, bukan keji dan bukan dipandang rendah oleh rakyat dan ini sudah wajib ada pendaftaran dan sudah wajib Kerajaan mengambil berat tentang hal-hal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lantikan Lembaga ini pula, saya berharap kepada Kerajaan akan memasukkan rakyat yang ada

gelaran di negara ini ataupun Ahli-ahli Dewan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negera.

Inilah sahaja pandangan saya pada Bill ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

3.48 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran), 1976. Sungguhpun Rang Undang-undang mengenai soal ini baru sahaja dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, saya dapati sepatutnya Rang Undang-undang ini sudah lama dikemukakan menjadi satu Undang-undang di negara kita.

Dalam Rang Undang-undang ini tidak ada disebutkan qualification seseorang yang akan menjadi pembantu hospital. Qualification ini, saya fikir adalah mustahak, sebab pembantu hospital ini adalah seorang pegawai kanan untuk menguruskan di pusat kesihatan atau dispensari terutama sekali di kawasan luar bandar dan kita tahu di masa sekarang ini Kementerian Kesihatan banyak kekurangan doktor-doktor dan tidak mencukupi doktor-doktor bertugas di dalam kawasan luar bandar dan daerah-daerah di luar bandar. Dan ini tentulah orang memandang kepada pembantu-pembantu hospital sebagai pegawai yang rapat dengan doktor dan kita tahu di kawasan yang besar di luar bandar apabila ada kecemasan dan doktor tidak ada di dalam kawasan itu, terpaksa pembantu hospital itu pergi atau dijemput oleh penduduk luar bandar dengan naik basikal, naik kereta, sampan atau bot pergi menolong ke tempat orang yang hendak mendapatkan rawatan dalam kecemasan itu. Tetapi di sini saya bimbang oleh sebab doktor tidak ada bersama maka terpaksa pembantu hospital itu memberikan ubat dengan tafsirannya sendiri pendapatnya sendiri untuk menggunakan segala ubatan seperti injection.

Setengah-setengahnya sekarang di dalam kampung kita dapati ada seorang telah dapat sakit tenat dengan adanya high blood pressure atau diserang oleh penyakit jantung, jadi selalunya pembantu hospital ini pergi ke tempat itu, ditengoknya orang yang hendak ditolong ini ada penyakit. Tetapi sekarang dengan adanya ubat yang moden, ubat yang boleh menahan sakit, barangkali

saya fikir harus pembantu hospital ini beri injection dengan tidak mengikut pendapat doktor iaitu dengan injection yang salah. Misalnya, baru-baru ini ada penicillin injection; ada terramycin injection. Setengah doktor dia tak suka beri penicillin injection, tetapi dia beri terramycin injection, kerana ubat ini ada yang tidak sesuai kepada orang yang sakit. Jika penicillin injection digunakan oleh orang yang bukan doktor, ini adalah merbahaya. Pembantu-pembantu hospital jikalau mereka bukan doktor dan tidak mendapat journal perubatan yang baru, membaca segala majallah-majallah berkenaan dengan perubatan, jikalau mereka ini tidak membahaya, maka harus mereka ini membawa bahaya kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Contohnya dalam kawasan saya sendiri, seorang guru agama telah diserang penyakit jantung dan dia pergi ke dispensari berjumpa pembantu hospital, esokan hari Allahyarham itu sudah meninggal. Saya menziarahinya dan bertanya, siapa doktor yang dipanggil. Nama doktor itu disebutkan. Saya kata, dia bukan doktor, ini dresser. Jadi, apa dia buat? Katanya, diberi injection. Apa jenis injection yang diberi? Tak tahu. Perkara ini kalau disiasat, banyak terjadi di luar bandar. Tetapi oleh sebab orang luar bandar tidak tahu mengenai ubat-ubat ini, mereka terpaksa menerima daripada siapa juga yang akan memberi pertolongan semasa kecemasan.

Setengah-setengah pembantu hospital di dapati di kawasan luar bandar tidak berat menjalankan tugas perkhidmatannya kepada orang-orang kampung. Perkara ini hendaklah diperbaiki dan kita telah mengajak orang-orang kampung supaya keluar daripada zaman perubatan orang Melayu dahulu kepada perubatan cara moden. Di waktu kita meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan, Menteri berkenaan ada menyebutkan bahawa beberapa buah hospital akan ditubuhkan dan beberapa perkhidmatan akan diperbaiki. Jikalau perkhidmatan ini tidak diperbaiki, wang perbelanjaan Kerajaan, ber-millions ringgit tidak menjadi faedah yang sebenarnya kepada orang-orang kampung.

Rang Undang-undang ini telah mengadakan satu Lembaga dan Lembaga ini akan diberi tanggungjawab yang telah termaktub di dalam Rang Undang-undang ini. Dalam menjalankan tugas ini, saya berpendapat bahawa orang yang hendak didaftarkan

sebagai pembantu hospital ini mahulah dijalankan peperiksaan sekali gus. Dengan peperiksaan sekali gus itu, baharulah diterima maka orang itu diluluskan menjadi pembantu hospital. Jikalau kita ambil at random semua orang yang beratus-ratus ini didaftarkan dan diterima, maka apa yang saya ceritakan tadi tidak akan dapat diperbaiki.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan samada pembantu hospital ini boleh menggunakan dengan ikhtiarinya sendiri iaitu menjalankan minor operation ataupun memberi injection, sebab memberi injection itu mahulah ditetapkan oleh doktor, disahkan oleh doktor, barulah pembantu hospital menjalankan bagaimana yang telah diarahkan oleh doktor yang berkenaan. Jikalau pembantu hospital ini boleh buat seperti yang dijalankan oleh doktor, saya fikir ini akan membawa bahaya kepada orang-orang di daerah luar bandar yang hendak meminta pertolongan kepada pembantu hospital. Saya tahu di luar bandar tiap-tiap pembantu hospital dipanggil doktor: doktor kampung, doktor daerah, tetapi jikalau tafsiran ini dijalankan juga, orang kampung menganggap pembantu hospital itu sebagai doktor, dimana kesalahan perbezaannya antara doktor dengan pembantu hospital. Ini kita mesti ada perbezaan, terangkan kepada orang kampung bahawa pembantu hospital ini bukannya doktor, doktor ini adalah doktor yang bertauliah, bukan pembantu hospital. Jikalau perkara ini tidak diterangkan dan tidak diberi penerangan oleh Kementerian Kesihatan melalui pusat-pusat kesihatan, saya ingat adalah satu salah faham yang besar yang boleh membahayakan kepada kesihatan orang-orang kampung.

Saya berharap dengan adanya teguran-teguran saya ini, sungguhpun saya bukan ahli pakar perubatan, tetapi melalui pengalaman yang lama sebagai wakil rakyat dahulu, dan juga Tuan Yang di-Pertua sebagai Menteri Kesihatan dahulu telah memberi jasa baik bahawa satu hospital desa telahpun ditubuhkan di kawasan saya di Parit. Saya berharap perkara yang saya cakapkan ini mendapat perhatian pihak yang berkenaan.

4.00 ptg.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1976 yang sedang didebatkan. Sambil menyambut baik Rang Undang-undang ini saya suka menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini membolehkan penubuhan satu Lembaga Pembantu Hospital dan Pendaftaran semua Pembantu Hospital samada bekerja dengan hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan Kerajaan, Institusi-institusi atau hospital Swasta, Klinik Swasta atau Institusi bagi menjaga, merawat dan memulihkan pesakit-pesakit. Ini adalah satu langkah yang positif menjamin kemajuan dan pengawalan yang lebih ketat dan lebih baik taraf perkhidmatan perubatan bagi rakyat dan negara kita.

Di bawah syarat Akta ini tidak ada seorang boleh menjadi Pembantu Hospital melainkan dia tamat kursus latihan tertentu dari sebarang institusi yang diluluskan oleh Lembaga Pembantu Hospital dan didaftarkan. Ini akan menolong menghapuskan orang-orang yang tidak berkelayakan yang disebut oleh rakan saya tadi tidak mencukupi taraf dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab, khususnya di kawasan luar bandar menganggap diri mereka sendiri sebagai doktor atau pembantu perubatan yang terlatih dan menjalankan tugas yang tidak memuaskan, yang salah dan merbahaya.

Dengan Akta ini akan meningkat dan mengakui taraf Pembantu Hospital di mata orang ramai. Bila mereka lulus peperiksaan rasmi yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan dan diberi sijil dan juga satu kursus latihan untuk meluluskan peperiksaan bagi semua Pembantu Hospital akan menjadi sebagai insentif untuk mereka mempelajari dan mengkaji lebih tekun serta mendalam pengetahuan perubatan mereka dalam perubatan dan pengajian pesakit-pesakit bagi menfaat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, taraf Pembantu Hospital atau status dan perakuan perkhidmatan mustahak mereka akan dipertingkatkan lagi dengan lulusnya Akta ini. Peranan penting yang dijalankan oleh Pembantu Hospital dalam penetapan atau diagnosis, rawatan dan asuhan pesakit di beberapa bidang perubatan hendaklah diakui.

Saya merayu kepada semua Ahli Dewan Negara ini memberi sokongan sepenuhnya kepada Akta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu Menteri yang berkenaan pertamanya menubuhkan lebih Pusat Latihan bagi Pembantu Hospital seperti yang ditubuhkan di Seremban, di semua hospital besar, jika boleh di seluruh Malaysia untuk menampung perkembangan perkhidmatan kesihatan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dimana kita memerlukan lebih banyak Pembantu Hospital yang terlatih yang bertaraf di antara seorang doktor dan seorang jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya bila seorang Pembantu Hospital telah lulus dalam peperiksaan yang diwajibkan yang memerlukan masa selama tiga tahun dalam latihan intensive yang teruk bagi mendapatkan sijil. Saya harap sebuah lencana juga hendaklah diberi dan dipakai sebagai satu tanda semasa berkhidmat.

Yang Ketiga, biasiswa patutlah diberi kepada Pembantu Hospital yang berjasa baik, berakal dan bermutu tinggi supaya membolehkan mereka menjalani kursus penuh dalam perubatan di universiti tempatan.

Ini adalah sedikit pandangan saya dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini sepenuhnya.

4.08 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berucap pada petang ini.

Saya gembira kerana Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan untuk menubuhkan suatu Lembaga untuk mendaftar Pembantu Hospital dan mengurus perkara-perkara berkenaan dengannya. Pembantu Hospital adalah memberi perkhidmatan yang sangat elok bukan kepada orang-orang sakit sahaja tetapi kepada semua rakyat. Masa kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan, Pembantu Hospital ada memberi perkhidmatannya yang sangat dihargai. Oleh sebab itu, Pembantu Hospital di kampung dan ladang-ladang dipanggil "Doktor". Tanpa perkhidmatan Pembantu Hospital, Rancangan Kesihatan Luar Bandar Kerajaan tidak dapat dikuatkuasakan dengan secara besar-besaran.

(*Dengan izin*) It is, therefore, proper that a body be established to regulate the affairs of the Hospital Assistants as envisaged in the Rang Undang-undang, so that the Pembantu-pembantu Hospital could perform more effective and efficient service to the nation.

At the same time I would urge the Minister to consider giving more effective and a proper name to this noble profession reflecting the type of job the Pembantu-pembantu Hospital are now doing. I would suggest the Minister consider changing the name of "Hospital Assistants" to "Medical Assistants" or in Bahasa Kebangsaan "Pembantu Perubatan", as the change in name would reflect the actual work being performed by the Hospital Assistants.

Saya juga minta kepada Menteri bahawa semasa menentukan anggota-anggota Lembaga, jangan biarkan Pembantu Hospital atau kakitangan Kerajaan sahaja menjadi anggota, tetapi juga dimasukkan Pembantu Hospital daripada Hospital-hospital persendirian.

My observation is that the effect of this Act would be far reaching to the benefits of the profession at large. The registration of Hospital Assistants would in turn generate a high standard of ethics and professionalism among the Hospital Assistants.

Rang Undang-undang ini memberi pengakuan dan pangkat kepada Pembantu Hospital yang lama dan saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

4.10 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut dengan rakan-rakan saya yang lain memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Pembantu Hospital yang ada di hadapan kita ini. Baharu sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberi beberapa hujah-hujah yang melayakkan supaya Rang Undang-undang ini dapat diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya memberi dua tiga pandangan dalam Rang Undang-undang ini untuk dilaksanakan kelak.

Pertama sekali, saya minta Kementerian ini bermurah hati mengkaji semula nama Pembantu Hospital itu. Kalau Jabatan Kementerian Kesihatan tidak dapat oleh sebab dia

ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Pembantu-pembantu Hospital ini juga dengan begitu baik tugasnya yang berkhidmat di luar bandar di jauh-jauh tempat itu kita tidak hantar doktor, penilaian gaji mereka itu patut difikirkan supaya setimpal dengan tugasnya. Dan kalau mereka jauh di luar bandar patut diberikan elaun demi khidmat mereka, bukan mereka hendak mencari keuntungan. Khidmat mereka itu hendak membaikkkan rakyat di luar bandar supaya sehat. Kalau mereka ditugaskan di luar bandar tempat yang jauh-jauh di ulu, satu elaun yang patut dipertimbangkan, selain daripada gaji yang baik elaun kepada mereka patut ditimbang. Ini pandangan saya. Kalau kita hendakkan bahawa Pembantu Hospital itu dapat menolong Kementerian ini, dapat menolong rakyat ini, maka peruntukan yang sedikit itu kita tidak usah ragam-ragamkan sebab kalau mereka ini membuat hal, Jururawat buat hal, Pembantu Hospital membuat hal, Attendan buat hal, Kementerian Kesihatan akan sakit, sakit tenat betul sebab dia tidak ada tenaga, tidak ada usaha, nama sahaja Menteri Kesihatan tetapi kalau orang ini tidak mahu bekerja dengan mereka dengan jujur dan ikhlas kebaikan Kementerian ini akan terjejas. Oleh itu, khidmat mereka berilah pertimbangan yang adil sebab mereka bukan hidup seorang, mereka mempunyai anak dan keluarga yang sama tugasnya. Kalau dikatakan ia seorang professional mereka hendak jaga juga haknya seperti bermotokar dan rumah yang baik serta anak-anaknya juga hendak pelajaran. Jadi itulah pandangan-pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dapat difikirkan oleh Kementerian ini.

Tadi rakan saya Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt telah menyatakan peluang-peluang kalau ada, pembantu hospital yang muda yang cenderung hendak melanjutkan pelajaran ke universiti dalam bahagian kedokteran berikan biasiswa kepada mereka ini. Ini satu galakan dan ini juga satu usaha yang boleh menampung kekurangan doktor dalam negeri kita dan menjadi satu perangsang kepada pembantu-pembantu hospital kita pada masa akan datang kalau mereka mempunyai kelayakan, keyakinan, kesungguhan mereka boleh masuk universiti dan Kerajaan sentiasa memberikan biasiswa. Ini satu penghargaan yang patut kita beri.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan-pandangan saya yang dapat saya berikan kepada Rang Undang-undang ini mudah-mudahan dengan pandangan ini akan memberi menafaat bilamana Bil ini dilaksanakan kelak.

4.23 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, syor-syor dan nasihat-nasihat kepada saya sendiri selaku pembawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di atas sokongan yang telah diberikan oleh seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas Rang Undang-undang ini, saya rasa amatlah menggalakkan kepada saya di dalam bidang untuk memperbaiki dan dalam usaha untuk memberikan sebaik-baik perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk-penduduk serta rakyat jelata dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, teguran-teguran itu saya akan mengambil ingatan dan akan menjadikan panduan di dalam melaksanakan Rang Undang-undang yang akan bakal diluluskan oleh Dewan ini.

Untuk penjelasan sedikit-sebanyak kepada Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob yang telah memberi sokongan yang kuat dan di samping itu mengharapkan supaya Rang Undang-undang ini dapat dipanjang atau diluaskan kepada pembantu-pembantu hospital yang bekerja di hospital estet-estet supaya mereka itu juga dapat didaftarkan ke dalam pendaftaran pembantu hospital. Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kepada pembantu-pembantu hospital di hospital estet ini, Rang Undang-undang ini tidak dapat kita laksanakan kepada mereka oleh kerana kedudukan mereka itu sendiri dibandingkan dengan taraf dan kelulusan-kelulusan yang ada ini amatlah jauh daripada pembantu-pembantu hospital yang dilatih oleh institusi-institusi yang diiktirafkan oleh Kementerian Kesihatan, dan pembantu hospital yang berkhidmat di hospital estet ini dilindungi oleh satu undang-undang yang lain iaitu Undang-undang Hospital Estet.

Bagi penjelasan kepada Senator Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin berhubung dengan tugas-tugas pembantu hospital, setakat manakah yang mereka itu dapat melaksanakan tugasnya seperti memberi injection ataupun membuat operation, maka ini adalah satu daripada tujuan Rang Undang-undang ini supaya dapat disenaraikan tugas-tugas mereka. Untuk makluman Yang Berhormat Senator tugas-tugas mereka itu akan disenaraikan dalam satu senarai dan akan diminta mereka itu supaya jangan melakukan tugas-tugas yang lain daripada yang disenaraikan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sekali lagi, pembantu hospital cuma boleh membuat pembedahan yang kecil-kecil seperti bisul, jerawat, kaki kena duri, paku dan pembantu hospital ini tidak dibenarkan membuat operation yang besar-besar. Begitu juga mereka yang memberi rawatan injection, mereka itu dibenarkan memberi injection dalam satu senarai yang telah disediakan oleh doktor sendiri dan mereka ini kebanyakan membuat tugas-tugas adalah di dalam penyeliaan doktor sebab pembantu hospital ini kebanyakannya kalau di hospital-hospital mereka itu ditugaskan dalam out-patient Department atau Operation Theatre, semuanya itu di bawah jaminan atau penyeliaan doktor dan kita tugaskan di luar bandar seperti di pusat-pusat kesihatan kecil, maka orang itu ditetapkan tidak dapat melakukan tugas-tugas yang tidak disenaraikan kepada mereka.

Untuk penjelasan kepada Senator Dr Lim Ah Sitt tentang cadangannya supaya pembantu hospital juga diberikan tanda (badge) sebagaimana dipakai oleh nurse atau assistant nurse dan perkara ini insya Allah akan dapat dibuat atau dilaksanakan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

Mengenai pembantu-pembantu hospital yang mempunyai kebijaksanaan ataupun yang telah mahir supaya diberi peluang pergi ke universiti untuk menjadi doktor, saya rasa perkara ini akan dapat ditimbang oleh Kementerian saya sendiri.

Senator M. Mahalingam mengesyorkan supaya nama pembantu hospital ini ditukarkan kepada nama lain sebab hospital ini adalah sebuah rumah besar yang mempunyai ramai pesakit, maka pembantu hospital tidak patut, namanya tidak sesuai. Mengikut

Senator Datuk Haji Ahmad Arshad mengatakan kalaulah Kementerian ini tidak dapat mencari nama, silalah rujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya berharap perkara ini akan dibicarakan oleh Ahli-ahli Lembaga yang akan ditubuhkan dan begitu juga syor-syor yang telah disampaikan kepada saya supaya orang-orang ini dapat dilatih atau diberi peluang untuk melanjutkan pelajarannya.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, segala-gala teguran-teguran dan syor-syor yang tidak dapat saya menjelaskan di sini, saya akan ambil ingatan dan akan mengkaji sedalam-dalamnya dan untuk dijadikan panduan kepada saya dan kepada Kementerian saya di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya ialah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan orang ramai dan memberikan sepuas-puas kehendak kepada Pembantu-pembantu Hospital yang bekerja dengan Kementerian ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempoohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempoohkan pada pukul 4.33 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.06 petang.

RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 *ptg.*

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pergigian (Pindaan), 1976, bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 41 Akta Pergigian, 1971 bagi seseorang penuntut pergigian atau pembedahan pergigian menjalankan, pada mengikuti kursus pengajiannya, apa-apa penyiasatan pergigian, pemeriksaan pergigian atau perawatan pergigian mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana institusi perubatan atau kesihatan yang diluluskan oleh Menteri jika penuntut itu berbuat demikian di bawah kawalan dan penyeliaan seseorang doktor gigi berdaftar yang memegang perakuan pengalaman tahunan semasa yang sah.

Dalam Akta Pergigian 1971, Kerajaan masih belum meniadakan perbekalan undang-undang untuk mengesahkan bahawa penuntut-penuntut pergigian boleh menjalankan pemeriksaan, penyiasatan dan rawatan pergigian di hospital-hospital, klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya. Maka oleh yang demikian, adalah penting bagi Kerajaan untuk mengujutkan satu seksyen baru iaitu seksyen-kecil (3) untuk mengesahkan bahawa penuntut-penuntut pergigian boleh menjalankan pemeriksaan, penyiasatan dan rawatan pergigian kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital, klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya dengan syarat mereka itu adalah dalam jagaan dan kawalan seseorang pengamal pergigian yang telah didaftarkan dan mempunyai perakuan amalan tahunan.

Seksyen-kecil 4 telah diadakan untuk memperbekalkan satu peruntukan undang-undang iaitu hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen-kecil (3), atau penmunya-pemunya, tidaklah bertanggung bagi apa-apa bencana, kerugian atau kerosakan dari jenis sivil yang berlaku kepada mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata oleh sebab apa-apa penyiasatan pemeriksaan atau perawatan mengenai

seorang pesakit di bawah seksyen-kecil (3) yang dijalankan oleh seseorang yang mengikuti sesuatu kursus pengajian pergigian atau pembedahan pergigian dalam sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dengan syarat bahawa tiada apa-apa juga pun yang terkandung dalam seksyen-kecil ini boleh ditafsirkan sebagai memberi kepada orang yang mengikuti kursus pengajian itu, atau kepada Universiti atau Kolej Universiti di mana orang itu sedang mengikuti kursus-pengajian itu atau kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti itu, apa-apa imuniti dari apa-apa tanggungan bagi bencana kerugian atau kerosakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pergigian (Pindaan), 1976, bagi bacaan kali kedua dan diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.10 *ptg.*

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 1976 ini yang amat perlu untuk latihan doktor-doktor gigi atau jururawat-jururawat pergigian yang masih kurang di negara kita pada masa ini dan akan lebih diperlukan dalam perkembangan perkhidmatan pergigian pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas perkembangan perkhidmatan pergigian yang pesat dan licin tanpa publisiti dan diketahui oleh orang ramai. Bahagian Pergigian Kementerian Kesihatan telah melaksanakan dua penyelidikan yang dihargai oleh antarabangsa. Pertamanya, mengkaji dengan mendalam sebagaimana keadaan sekarang, pergigian budak-budak sekolah di Semenanjung Malaysia. Kedua-nya, mengkaji dengan teliti keadaan pergigian orang dewasa di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan yang pertama itu telahpun selesai dan laporannya telah dihebahkan dan banyak negara di sekitar daerah ini merancang perkhidmatan pergigian berdasarkan kepada laporan penyelidikan Malaysia itu. Kajian ini telah

meninggikan bayangan Malaysia. Kepada Bahagian Pergiian Kementerian Kesihatan itu saya mengucapkan terima kasih dan syabas.

Penyelidikan yang kedua juga telah diselesaikan dan lapurannya sedang diproses untuk pengumuman awam. Pre-Fluoridation Survey bagi kanak-kanak sekolah telahpun dijalankan oleh Bahagian Pergiian Kerajaan dengan tujuan mengurangkan kerosakan gigi kanak-kanak kita dengan langkah fluoridation of water supply. Kesemua kajian ini adalah penting dan menunjukkan kebijaksanaan pihak pergiian dalam rancangannya. Oleh kerana perkembangan perkhidmatan yang berkesan dan bermakna hanya bergantung atau berasaskan kepada mengetahui sebelumnya masalah-masalah yang berlaku sekarang dan selesapnya yang patut diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Pergiian bergerak kilat (Mobile Dental Squads) sedang memberi rawatan yang cekap kepada kanak-kanak sekolah desa, khasnya kepada sekolah daerah yang terpencil. Di negeri Kelantan, khasnya dalam musim bah daripada bulan Oktober hingga bulan Januari, jalan-jalan desa sangatlah buruk dan van-van atau ambulan yang digunakan oleh mobile dental squads itu mudah rosak apabila menghadapi jalan-jalan desa itu. Bagi pihak doktor-doktor gigi dan jururawat-jururawat dan juga pembantu-pembantu hospital yang berkenaan supaya perkhidmatan atau rawatan kepada rakyat desa tidak dihalangi, patutlah dibekalkan kenderaan yang lebih kukuh seperti Land Rover dengan kelengkapan yang semestinya untuk tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa mengikut penglihatan saya jururawat-jururawat pergiian kita telah dilatih dengan mempunyai kemahirannya menyerahkan pesakit-pesakit dengan penyakit selain daripada penyakit pergiian kepada doktor-doktor yang layak di hospital besar dan tidak dibiarkan lagi seperti zaman dahulu. Jururawat pergiian ini telah menjadi tangan melanjutkan atau extending hand kepada perkhidmatan kesihatan dan telah memberi faedah yang tidak ternilai kepada rakyat sekelian khasnya kepada orang-orang desa. Bahagian Pergiian patutlah diberi sokongan yang penuh

oleh rakyat sekelian di atas desakan Kerajaan mengambil berat perkembangan dan kemajuannya berseimbangan dengan bahagian perubatan atau medical section.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang tiap-tiap negeri hanya ada satu jawatan dental specialist dan satu lagi jawatan orthodontist sahaja, kecuali negeri Selangor. Ini sangat tidak mencukupi. Jawatan-jawatan ini dengan supportive staffnya patut ditambah lagi. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada sedikit istilah medical atau teknikal dalam sedikit perkara lagi yang saya ingin sentuh, saya memohon izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, dental service in this country is fast getting out of the extraction and filling era and is entering into a more sophisticated period. Specialists in fields like orthodontics, dental hygiene, oral surgery and others should be increased. More scholarships should be offered to dental officers. As mentioned by Yang Berhormat Timbalan Menteri during Question Time this afternoon, only twelve officers were given scholarships overseas from 1974 to 1976. This number is indeed insufficient if the dental service is to expand quantitatively and qualitatively in the coming years. More senior dental officers' posts should be created to keep dental officers in Government Service and to serve in less popular areas for a longer period of time.

The dental officers often carry other dental personnel in their own cars during their travelling duties. Sometimes along non-gazetted roads. The staff concerned are not insured. In the event of accidents, both the officers and the staff are liable to suffer loss—even loss of lives. Should Government servants be subjected to these continuous risks while performing government duties? I hope this will be looked into by the Ministry.

At present only two dental sisters are serving in Kelantan—one in Kota Bharu and one in Pasir Mas and none in other districts. With the expansion of dental service in the Third Malaysia Plan period, more dental sisters posts should be created, especially in the more backward areas like Kelantan and Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, a lot of dental staff nurses who have served for about ten years or more in Kelantan have still not yet been promoted to dental sisters; and when they are at last given the promotion some of them are already near the retirement age and the Government will soon lose their service and experience when they retire. Earlier promotion to sister's post should be given if they are qualified and deserving. This should act as an incentive for them to give of their best so that the people would get the full benefit of their services.

In many States, the number of dental surgery assistants, technicians and attendants is far below the satisfactory level. As a result, dental officers are not properly assisted and attendants are overworked and asked to do jobs out of their normal duty list. Equipment and clinics are often not properly maintained or are maintained at great personal sacrifice by the staff. These shortcomings should also be corrected.

More and more clinics are built in remote schools. These are manned by dental staff nurses. But in these areas, there are hardly any suitable houses for the nurses to rent. Quarters should be built for these dental nurses just as bidans and jururawat desa are automatically provided with quarters in the medical section.

Some of the more senior staff nurses should be sent for refresher courses in order to keep pace with advancement in dentistry and dental service. Some of them have indeed grown rusty and have forgotten their early training which is to the disadvantage of the rakyat in general.

Tuan Yang di-Pertua, jururawat pergigian (dental staff nurses) yang berkhidmat di klinik desa patutlah diperuntukkan dengan bas mini bagi menjalankan tugasnya dengan lebih cekap. Mereka haruslah dibantu oleh sekurang-kurangnya satu jongos atau perempuan bujang (dental attendant or dental amah).

Pada akhirnya, pembantu klinik pergigian yang mendapat pengalaman dan kelayakan patutlah diberi peluang latihan di sekolah latihan jururawat pergigian. Amah pergigian dan attendant di klinik pergigian yang

layak hendaklah dinaikkan pangkat menjadi pembantu klinik pergigian. Langkah seperti ini akan menggalakkan mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih.

5.21 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang bernama satu Akta bagi meminda Akta Pergigian ini dan disamping itu saya memberi pandangan-pandangan yang ada kaitan dengan pergigian ini, terutama sekali dengan adanya Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan), ini satu usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan akan membaiki pergigian rakyat dalam negeri ini dari dua saluran. Pertama, pergigian kanak-kanak dan yang kedua, pergigian orang-orang dewasa.

Saya bagi pihak rakyat tentulah memberikan sambutan yang baik atas usaha Kerajaan dari semasa ke semasa memberikan rawatan dalam masalah pergigian ini, terutama sekali kepada orang-orang di luar bandar yang selama ini menurut hemat saya mereka adalah tertinggal dan boleh dikatakan dilupai oleh Kementerian ini, mungkin oleh sebab kekurangan tenaga yang ada berkecukupan dalam urusan ini sesuai dengan keadaan sekarang ramai penuntut-penuntut kita yang telah menerima latihan-latihan daripada kolej-kolej yang tertentu dan mereka bilamana keluar kelak akan memberi khidmatnya kepada pusat-pusat atau klinik-klinik yang tertentu. Satu perkara yang saya harap supaya Kementerian ini memberi perhatian iaitu ketika memberi rawatan kepada penduduk luar bandar atau anak-anak kita jangan hendaknya pegawai-pegawai itu bersifat kasar, berkelakuan kasar, mengeluarkan perkataan kasar dan kalau ada yang demikian, saya kuatir bahawa penduduk luar bandar akan liar dengan perkhidmatan ini. Saya pernah menerima pengaduan-pengaduan, bukan semua, pegawai-pegawai pergigian ini yang bersikap kasar. Sebab gigi kanak-kanak atau orang dewasa yang hendak dicabut, tentulah satu sifat negeri ada pada mereka. Jikalau pegawai itu bersifat kasar dengan kekerasan ia akan menambahkan

lagi gerun kepada mereka. Kalau kurang awas dengan kasarnya tadi lain daripada sakit, orang yang kena sakit itu terus pitam pengsan. Ini merosakkan dan menjejaskan juga kebaikan perkhidmatan kita. Saya harap dalam memberi khidmat ini, perandai yang bersopan, yang lemah lembut kepada orang yang sakit itu patut kita teruskan.

Yang kedua, sudah menjadi amalan dalam negeri kita ini selain daripada mereka pergi ke hospital, dan klinik pergigian, orang luar bandar khususnya mereka suka pergi merawat gigi yang sakit ke kedai buat sumbi gigi. Kedai sumbi gigi selain daripada menyumbi gigi batu ke emas, ia juga cuba campur tangan mencabut dan membedah gigi orang yang sakit. Saya hendak bertanya Kementerian ini, adakah swasta ini, ahli perniagaan ini ada termasuk di bawah kebenaran Kementerian ini? Bahkan orang selalu memuji bahawa mereka adalah lebih suka pergi ke kedai tukang gigi daripada pergi ke klinik. Tukang gigi swasta katanya, bila ia cabut gigi dengan injection, tak berasa sakit bila dicabut. Jadi swasta yang begini memang menyeluruh dalam tanahair kita. Mereka memberi khidmat kepada penduduk luar bandar dalam segi pergigian. Berikan peluang kepada mereka, diberikan satu kursus samada kursus masuk ke kolej atau kursus harian supaya dapat disesuaikan khidmatnya ini selain daripada menjalankan perniagaannya ia dapat berkhidmat dengan penduduk luar-bandar dengan rakyat kita dalam masalah pergigian ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya harap Kementerian ini kalau dapat memberikan nasihat kepada murid-murid sekolah dan juga orang-orang dewasa bagaimana caranya supaya dapat mencegah penyakit sakit gigi dan kalau boleh Kementerian ini bermurah hati di mana penduduk-penduduk luar bandar itu diberi kepada mereka berus gigi dan ubat colgate percuma terutama penduduk-penduduk luar bandar dan jururawat pergigian kita ini yang rajin tolong ajar dan latih mereka bagaimana menggosok gigi. Jadi dengan keadaan macam ini, dengan lemah lembut pegawai-pegawai ini, orang kampung terima macam mana menggosok gigi, tidaklah pakai gosok atau ganyah begitu sahaja. Kalau banyak kemudahan yang kita beri perandai lemah lembut pegawai ini, di satu masa kita nampak bahawa rakyat di luar bandar semua sekali membersihkan gigi menggunakan berus

mengikut nasihat Kementerian ini. Dengan keadaan itu, barangkali rakyat negeri kita terselamat daripada penyakit gigi dan memudahkan pegawai-pegawai yang kita latih itu menjalankan tugasnya di luar-luar bandar.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.28 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khooon Hock yang telah memberi pandangan-pandangannya disamping memuji perkhidmatan pergigian yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan sehingga kepada peringkat bahawa banyak negeri-negeri yang telah mengambil contoh kepada negeri kita tentang cara-cara kita memberi perkhidmatan pergigian kepada rakyat jelata kita.

Saya ingin menjelaskan sedikit sebanyak di atas teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu khususnya berhubung dengan keadaan kekurangan persediaan-persediaan ataupun kekurangan kakitangan yang dapat dilaksanakan atau dapat ditempatkan oleh Kementerian Kesihatan di dalam Negeri Kelantan khususnya. Memanglah tidak menjadi satu perkara yang luar biasa bagi negeri Kelantan, oleh kerana sekiranya Kementerian Kesihatan ingin menyampaikan perkhidmatannya kepada rakyat jelata di luar bandar ataupun di daerah-daerah pedalaman, Kementerian Kesihatan tidak dapat menyampaikan ataupun melaksanakan kehendak-kehendak Kementerian Kesihatan oleh kerana kedudukan infrastruktur ataupun jalan-jalan dan cara-cara yang kita akan sampaikan kepada penduduk-penduduk pedalaman itu masih dalam proses lagi. Tetapi insya Allah, apabila siapnya jalan yang baik, siapnya infrastruktur yang lengkap, saya rasa perkara perkhidmatan pergigian ini dapat diberikan, dapat dilaksanakan dengan sepuas-puas kehendak rakyat jelata.

Di dalam kekurangan pakar-pakar sebagaimana yang telah saya sebutkan di dalam jawapan saya tadi, ini adalah menjadi satu keazaman Kementerian Kesihatan untuk memberikan sebanyak-banyak scholarship ataupun mengusahakan sebanyak-banyak scholarship supaya dapat pegawai-pegawai

pergigian ini melanjutkan pelajarannya dan mendapat ijazah-ijazah ataupun mendapat pengalaman-pengalaman yang lebih baik di luar negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah pun memperuntukkan sebanyak \$22 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk kepentingan pergigian semata-mata. Dalam hal-hal yang lain, saya akan cuba memperingatkan dan akan menjadikan teguran-teguran itu satu bahan untuk Kementerian Kesihatan ini memperbaiki perkhidmatannya khasnya terhadap perkhidmatan pergigian.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah membangkitkan kadangkala katanya terdapat pegawai-pegawai pergigian kasar sangat di dalam memberikan treatment khasnya kepada kanak-kanak sekolah. Katanya maklumlah kanak-kanak sekolah ini, kalau kita kata hantu pun mereka tidak begitu takut, tetapi kalau hendak cabut gigi rasanya seolah-olah kita hendak bawa mereka kepada kubur—hendak mati. Jadi, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad kalau pun perkara ini ada, tetapi boleh dikatakan satu jumlah ataupun percentage yang sedikit sangat dan saya pernah diberitahu budak-budak sekolah sekarang ini oleh kerana lembutnya, oleh kerana diplomasinya doktor-doktor gigi dan jururawat-jururawat pergigian ataupun pegawai-pegawai yang lain, kalau sebut hendak bawa pergi cabut gigi, mereka lekas-lekas pakai baju, hendak pergi cabut gigi. Begitulah keadaannya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukanlah perkara yang saya hendak melebihi-lebih di dalam Dewan ini, ini adalah perkara hakikat yang berlaku sekarang ini dan inilah yang saya rasa berbangga sekali di atas perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dilakukan oleh doktor-doktor pergigian dan jururawat-jururawat pergigian dan saya tidak nafikan kadangkala berlaku kekasaran, ini sudah menjadi tabii alam dan tabii manusia. Sewaktu dia panas ataupun ada sedikit sebanyak perselisihan rumahtangga, dia pergi cabut gigi budak-budak dengan ingatan yang dia sedang mencabut gigi mangsanya di rumah. Maka terjadilah perkara itu. Ini tidak dapatlah dinafikan.

Sekarang ini Kementerian Kesihatan sendiri telahpun mengadakan satu idea baru ataupun inisiatif baru iaitu mengadakan kursus-kursus kepada pegawai-pegawainya di dalam segi perhubungan pegawai-pegawai dengan orang

ramai. Ini adalah masaalah yang ditekankan sekarang ini, dan oleh kerana itulah kalau dimasa-masa yang lampau kita sentiasa dapat melihat, dapat mendengar, dapat membaca banyak komplek-komplek terhadap doktor, nurse, assistant nurse atau semua sekali yang menurut kata-kata kasar tetapi sekarang ini lama-lama sekali keluaranya, maka itu bertilah kita sudah dapat memperbaiki kedudukan perkhidmatan kita dan itulah sedikit sebanyak penjelasan yang saya dapat berikan di dalam Dewan ini dan saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seluruhnya akan berusaha dan berikhtiar supaya moga-moga perkhidmatan pergigian ini dapat memuaskan Kementerian Kesihatan lebih-lebih lagi rakyat jelata yang sentiasa berharap kepada perkhidmatan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJENAYAH FUJITIF (EKSTRADISI KHAS)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fujitif Komanwel 1967" dibaca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah meminda Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fujitif Komanwel 1967 dengan

memasukkan ke dalam tiap-tiap ordinan yang sedia ada itu peruntukan tambahan supaya membolehkan seseorang yang dituduh ataupun yang telah disabitkan atas kesalahan yang boleh diekstradisi di dalam bidangkuasa negeri asing atau negeri Komanwel diekstradisikan ke negeri itu, ataupun apabila permintaan dibuat oleh negeri itu sekiranya yang bersalah ataupun yang disyaki berada di dalam Malaysia. Oleh yang demikian, sekiranya peraturan cara am bagi penyerahan mengenai penjenayah fujitif belum lagi ditandatangani dengan negeri-negeri tertentu ataupun belum lagi berjalan kuatkuasanya di bawah kedua-dua Ordinan yang saya sebutkan di atas, maka dengan pindaan ini tindakan bagi mengekstradisikan yang dituduh atau yang bersalah bolehlah dibuat dengan negeri-negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga dinyatakan iaitu sungguhpun pihak Kerajaan telah berikhtiar dan mengambil beberapa langkah untuk mengadakan satu perjanjian atau peraturan ekstradisi fujitif dengan negara-negara Komanwel atau bukan Komanwel Kementerian Undang-undang telah dan masih menghadapi beberapa masaalah yang rumit yang sukar untuk diselesaikan dengan negara-negara lain itu bagi mendapatkan persetujuan-persetujuan. Pada masa ini kita sedia mempunyai peraturan ekstradisi dengan Kerajaan Indonesia Negeri Thai dan Singapura.

Pengalaman membuktikan bahawa ada terdapat penjenayah-penjenayah dari luar negeri baik dari negeri-negeri Komanwel ataupun bukan Komanwel yang melarikan diri ke Malaysia. Umpamanya baru-baru ini terdapat beberapa orang yang telah lari ke negara kita dan memohon oleh negeri Hong Kong untuk mendapatkan sistem fujitif ini dikuatkuasakan. Tetapi oleh kerana pada masa yang berkenaan kita tidak mempunyai lunas undang-undang untuk berbuat demikian, maka permohonan itu tidak dapat dilaksanakan. Oleh kerana tiadanya perjanjian atau peraturan ekstradisi dengan negara-negara berkenaan maka pihak berkuasa kita tidak ada kuasa undang-undang untuk menangkap atau mengekstradisi atau menyerahkan mereka itu atas jenayah yang dilakukan oleh mereka. Kita tidak mahu Malaysia digunakan sebagai tempat perlindungan bagi penjenayah-penjenayah negara asing. Dengan adanya pindaan Undang-undang ini negara kita akan dapat mengambil tindakan bagi maksud ekstradisi tersebut.

Kerajaan kita juga akan dapat selepas Rang Undang-undang ini diluluskan mengambil tindakan terhadap mereka yang dituduh atau yang bersalah itu untuk dihantar pulang ke negeri masing-masing yakni negeri-negeri yang membuat permohonan kepada Kerajaan kita sekalipun belum ada perjanjian ekstradisi dua hala (reciprocal) yang ujud antara Malaysia dengan negeri-negeri berkenaan. Kuasa untuk memulangkan orang yang dituduh atau yang bersalah atau yang dikehendaki itu kepada negeri yang memohon adalah terletak atas timbang tilik dan budi-bicara Menteri yang berkenaan. Adalah diharapkan supaya negara-negara lain akan mengadakan undang-undang ekstradisi seperti yang dibentangkan ini untuk memudahkan beberapa persoalan diatasi bersabit dengan ekstradisi antarabangsa dan juga penjenayah-penjenayah yang sedemikian bilangannya dari masa ke semasa dan ini adalah teratur supaya kepentingan tindakan undang-undang antarabangsa juga mendapat kesan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.45 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini dibuat pada tahun 1958, di waktu kita baharu sahaja merdeka. Oleh kerana baharu merdeka pengertian kita tentang undang-undang antarabangsa sangat kurang. Kita telah mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957 maka sebagai sebuah negeri yang baru kita tidak mengambil berat sangat tentang perkara ini. Kita semakin lama, semakin dewasa, dengan sebab itulah barangkali kita sudah suarakan di Parlimen beberapa kali, baru sahaja kita mengadakan Treaty of Extradition dengan Indonesia. Beberapa kali kita telah bercakap di Parlimen mengenai perkara ini oleh kerana banyak orang-orang yang kita kehendaki telah menyalahgunakan atau membuat kesalahan di negeri kita lari ke tempat lain samada ke Indonesia, ke India, ke negeri China, ke Hong Kong dan ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini adalah Undang-undang Antarabangsa. Undang-undang ini memang boleh dibuat di

sini dan diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong serta dilaksanakan. Tetapi yang penting sekali adalah Undang-undang ini terpaksa kita jalankan dengan membuat treaty dengan negeri asing. Cuba kita lihat bagaimana orang Malaysia melarikan dadah cukup banyak ke negeri asing, boleh jadi daripada Kuala Lumpur. Kita dapati baru-baru ini dadah dibawa dari Kuala Lumpur ke Amsterdam, ke Frankfurt tetapi sipembawa itu ditangkap di sana, kita tidak dapat tangkap di sini. Jikalau kita ada Treaty of Extradition dengan negeri Jerman dan negeri Belanda orang itu boleh kita tarik kembali dan dibicarakan mengikut undang-undang kita. Begitu juga, perkara ini adalah berkaitan juga dengan political asylum, perlindungan bagi seseorang yang melakukan kesalahan jenayah dalam politik seperti di sini kominis adalah salah. Apalah salah menyebarkan risalah-risalah kominis ke negeri-negeri lain. Kalau di England tidak mengapa, bebas, di Jepun bebas, di Amerika bebas bercakap berkenaan dengan kominis, menghantar surat pekeliling berkenaan dengan kominis, bebas. Tetapi di negeri ini kita tidak bebas dalam perkara ini.

Jadi orang ini apabila hendak ditangkap, dia melarikan diri ke negeri lain. Misalnya lari ke England. Kalau difikirkan di negeri kita ini dia bersalah dan di negeri England tidak, memang dia boleh pergi ke sana di bawah Undang-undang Antarabangsa (International Law), dia mendapat perlindungan daripada England ataupun di lain-lain negeri tetapi di sini tidak, perkara itu adalah jenayah dan kesalahan berat kerana orang itu hendak meruntuhkan Kerajaan dengan jalan memberi propaganda melalui risalah-risalah kominis dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga kita mesti fikirkan kerana sungguh pun ini adalah political asylum tetapi ini adalah jenayah mengikut cara-cara negeri kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada orang-orang melarikan duit daripada negeri kita ini ke negeri asing, ini juga adalah salah. Ada dua tiga orang warganegara Malaysia keturunan India, seorang daripadanya di Kelang dahulu telah membawa ratusan ribu ringgit wang Malaysia Perbendaharaan (Treasury) ke negeri India, kita tidak boleh buat apa-apa. Sebenarnya ialah perjanjian ekstradisi tidak ada di antara India dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini oleh kerana saya telah bercakap beberapa kali di Parlimen dahulu berkenaan dengan perkara ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang, tetapi oleh kerana ini perlu saya bercakap sedikit sahaja untuk ingatan kepada Kementerian yang bertanggungjawab, bukan sahaja kepada orang yang berbuat salah di atas perkara penipuan dan pembunuhan tetapi yang penting sekali pada hari ini ialah negeri kita diancam oleh kominis. Oleh kerana ancaman kominis ini bergerak under ground dan subversif kominis ini ada yang percaya di atas teori-teori iaitu apabila Vietnam, Kemboja, Laos jatuh Siam dan Malaysia juga akan turut jatuh ke tangan kominis ini. Ramai orang yang percaya di atas perkara ini apabila satu gugur semua jatuh. Ada setengah-setengahnya Tuan Yang di-Pertua, di negeri kita ini ada pengikut-pengikut kominis China dan pengikut-pengikut kominis Russia hendak menggunakan kita oleh kerana adanya teori ini. Dengan sebab itu di antara kominis China dan kominis Russia hendak mengambil hati kepada orang Melayu dan China dengan sebab itu kedua-dua pihak ini adalah membahaya, kerana kita cintakan kebebasan. Saya bercakap begini oleh kerana adanya Rang Undang-undang ini. Orang Malaysia cintakan kebebasan, walau bagaimanapun miskin sekalipun dan kita percaya wujudnya Tuhan walau apa agama sekali pun. Kita percaya wujudnya Tuhan dan kita juga percaya di atas hak asasi kemanusiaan mengikut United Nations Charter. Dengan sebab itulah negeri kita ini istimewa iaitu parti kominis wujud di negeri ini, kalau tidak menjatuhkan Kerajaan dengan senjata tidak apa, tetapi ada setengah orang mengatakan apa salah jikalau parti kominis tidak menjatuhkan Kerajaan dengan cara revolusi.

Seperti negeri-negeri asing, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi negeri ini adalah negeri Islam yang percaya kepada wujudnya Tuhan dan fahaman kominis ini walaupun fahaman kominis Russia yang setengah-setengahnya hendak menganutnya atau sedang terharu oleh fahaman kominis ini, tetapi tujuannya sama iaitu siapa sahaja yang percaya kepada fahaman kominis jangan percaya kepada Tuhan. Ini bukannya saya buat dakyah-dakyah. Kalau kominis China, Russia datang

atau sebagainya tidak menjadi soal sangat, tetapi soal yang penting ialah soal agama, wujudnya Tuhan sebab telah dinyatakan di dalam Perlembagaan kita iaitu percaya kepada Tuhan. Dengan sebab itu, dakyah-dakyah ini dan orang-orang ini apabila hendak menyeludup lari ke lain-lain negeri, maka Fugitive Criminals (Special Extradition) inilah yang patut kita gunakan.

5.55 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukacita menyokong Rang Undang-undang ini diadakan dan diluluskan oleh Dewan ini kerana Rang Undang-undang atau Akta ini melengkapkan dua Akta atau Undang-undang dahulu. Walau bagaimana pun, sebelum saya memberi sokongan kepada Akta ini saya sukacita hendak memberi pandangan saya sedikit kepada Kementerian yang berkenaan dalam masaalah orang-orang yang di luar negeri atau di dalam negeri yang dikehendaki oleh mana-mana negara untuk pertukaran tangkapan, maka undang-undang inilah yang akan dijadikan panduan. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, pada masa berlaku keadaan yang sangat menyedihkan di university-university kita pada tahun yang lepas atau sebelum tahun itu, pihak Polis menghendaki beberapa orang bagi siasatan lanjut. Tetapi pada masa yang akhir-akhir ini orang yang dikehendaki itu sudah berada di sebuah negeri yang jauh daripada negeri kita. Baru-baru ini si polan yang lepas lari itu telah berada di negeri asing iaitu sebuah negara Commonwealth dan beliau telah menghantar surat kepada sebuah akhbar negeri ini kononnya minta syarat-syarat supaya dia jangan ditangkap kalau dia balik dia boleh menyerah diri. Hakikat yang sebenarnya mengapa orang ini lari, mengikut ceritanya dia lari melalui negara sahabat yang sebelah utara dan daripada sana dengan bantuan beliau telah terbang ke Australia. Orang ini ialah Hishamuddin iaitu pada masa pergolakan university kita dahulu berada di dalam keadaan keluh-kesah dan mengancam keamanan dan keteguhan dan kepimpinan negara kita. Mengapa orang ini lepas lari? Ini yang menjadi soal. Kalau undang-undang ini juga kita wujudkan, mereka lepas lari tentu ada sumber-sumber atau kelemahan kita; boleh jadi Imigeresen kita tidak begitu kuat atau penyelarasan di antara Polis

dengan Imigeresen tidak begitu selaras, maka orang ini sudah lepas daripada negara kita. Saya tidak mengatakan dia salah atau tidak kerana yang boleh mengatakan seseorang itu bersalah ialah mahkamah. Tetapi perkara pokoknya yang diperkatakan mengapa orang ini lari sampai ke Australia dan dia menulis surat kepada sebuah akhbar di sini dengan syarat-syarat membolehkan beliau pulang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, samada dia balik atau tidak, itu soal lain, tetapi ada kelemahan daripada undang-undang kita dahulu, di sini sudah nyata kelemahan itu Tuan Yang di-Pertua. Biar saya bacakan dalam Huraian yang menyatakan:

“ . . . untuk diekstradisikan ke negara itu atau atas permintaan dari negara itu jika orang itu ada atau disyaki ada dalam Malaysia, walaupun suatu perkiraan am dengan negara itu bagi penyerahan salingan mengenai penjenayah fujitif masih belum dibuat atau tidak berkuatkuasa di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan itu atau Akta itu, mengikut mana yang berkenaan.”

Tuan Yang di-Pertua, nyatalah Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fujitif Komenwel 1967. Jadi pihak Kerajaan pada masa yang akan datang ini dapat mengemuka banyak lagi undang-undang. Saya menyokong sahabat saya, walaupun tahun 1958 dulu sudah ada, dan barangkali kelemahan-kelemahan kita kerana baru merdeka dan mabuk kemerdekaan, tetapi pada tahun 1967 kita telah pinda dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, datang lagi pindaan.

Tetapi saya yakin dan percaya kepada Yang Berhormat Menteri yang muda ini, yang bercakap dengan alunan suara yang menarik hati dan kalau kasar pun kita luluskan bil ini, kerana bil ini mustahak. Tetapi ini satu kelemahan kita mengapa yang saya kata tadi seorang yang dikehendaki oleh polis bagi siasatan kerana kejadian di universiti dalam negara kita yang kita tahu, tiba-tiba lepas ke Australia. Di mana penyelarasan polis, di mana imigresyen kita, di mana perisik negara kita dan mereka dengan terang-terangnya menulis surat kepada akhbar mingguan dalam negara kita menyatakan syarat-syarat yang dikehendakinya, Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Letrik, 1949" dibaca bagi kali yang kedua.

Dengan seberapa ringkasnya saya suka menerangkan bahawa tujuan pindaan ini ialah untuk mengadakan peruntukan di bawah Akta Letrik 1949 bagi memberi kuasa kepada Lembaga Letrik Negara (LLN) bertindak selaku penjamin di dalam keadaan-keadaan di mana ia mempunyai kepentingan kewangan secara langsung dan LLN dikehendaki menjadi penjaminnya.

Sebagai sebuah perbadanan, Lembaga Letrik Negara pada masa sekarang ini telah diberi kuasa di bawah Akta Letrik 1949, untuk melibatkan diri di dalam perusahaan-perusahaan seperti kontrak, pembelian, pemilikan, pinjaman dan lain-lain lagi. Pindaan yang dicadangkan adalah dengan ini merupakan perluasan yang sewajarnya kepada kuasa-kuasa yang telah dimiliki oleh LLN supaya tugas-tugas dan kuasa-kuasa tersebut di bawah Akta ini dapat dijalankan dengan lebih licin.

Seterusnya, di bawah seksyen 15 Akta ini yang telah dipinda baru-baru ini, LLN telah diberi kuasa untuk melibatkan diri sepenuhnya di dalam sebarang perlibatan perindustrian yang berkaitan dengan letrik terutama sekali di dalam perusahaan membuat dan memasang loji-loji dan alatan-alatan letrik. Sejajar dengan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 15 Akta ini LLN pada masa sekarang sedang dengan giatnya melibatkan diri membentuk syarikat-syarikat usahasama untuk mengeluarkan alatan letrik untuk penyambungan power

letrik, Syarikat Federal Power dan Talikom adalah merupakan syarikat usahasama yang mula-mula sekali dibentuk oleh LLN untuk mengeluarkan kebel-kebel bawah tanah voltage tinggi. Sebuah syarikat usahasama yang lain untuk mengeluarkan alat ubah pengagihan (distribution transformer) sedang diselenggarakan dan beberapa syarikat yang lain untuk mengeluarkan meter dan switch gear ada juga sedang dalam perancangan. Untuk menjalankan aktiviti perusahaan dan juga untuk perkembangan perusahaan-perusahaan yang tersebut di atas syarikat-syarikat usahasama, LLN adalah memerlukan pinjaman wang dari institusi-institusi kewangan dan untuk tujuan ini jaminan daripada pihak LLN adalah perlu oleh kerana LLN adalah pemegang saham utama bagi syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa ini LLN tidak ada kuasa untuk bertindak selaku penjamin dan percubaan-percubaan untuk bertindak demikian telah tidak berjaya kerana kuasa tersebut tidak diperuntukkan di bawah Akta Letrik, 1949.

Oleh itu, pindaan yang dicadangkan ini ialah bertujuan hendak membetulkan kekurangan ini dan membolehkan LLN bertindak sebagai penjamin. Kuasa seperti ini adalah perlu untuk memenuhi kehendak-kehendak perdagangan yang harus dihadapi oleh LLN jika sekiranya ia hendak menjalankan kuasa-kuasa yang berkaitan dengan perlibatannya di dalam bidang perindustrian dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.22 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Akta Letrik (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Di samping saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini kerana sesuai dengan keadaan masa di zaman pembangunan ekonomi ini maka Undang-undang yang seumpama ini adalah sangat perlu supaya membolehkan

Lembaga ini bergerak dengan lebih cergas dalam menyertai pembangunan ekonomi negara pada hari ini.

Apa yang saya hendak menegur sedikit ialah berhubung dengan perjalanan Lembaga ini mengenai perbekalan kuasa letrik kepada pekilang-pekilang. Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pihak Lembaga telah menyertai dan juga akan menyertai penubuhan-penubuhan perkilangan dengan cara usahasama dan sebagainya. Memang itu adalah satu usaha yang baik tetapi barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sedar atau tidak syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Lembaga ini kepada perkembangan perkilangan sekarang ini tidaklah begitu menggalakkan. Maksud saya bukan kata tidak diberi (supply) tetapi Lembaga ini bertindak dengan tidak memilih bulu dan bolehlah kita fahamkan seolah-olah tidak ada mempunyai semangat Dasar Ekonomi Baru yang hendak menolong perusahaan-perusahaan bumiputra. Bila saya sebut perusahaan bumiputra kebanyakannya adalah dengan cara kecil-kecilan ataupun selebih-lebihnya sederhana, yang besar-besar itu adalah kepunyaan orang lain. Jadi Lembaga Letrik Negara ini selalunya syarat-syarat yang dikenakan di-kira serupa sahaja, yang besar, yang kecil adalah sama.

Sebagai contohnya saya maksudkan begini. Kalau satu-satu perkilangan berkehendakan kuasa letrik maka pihak Lembaga akan mengenakan syarat—maksud saya sekarang. Bila saya sebut sekarang ini bermakna dahulunya berlainan. Kalau pada masa dahulu syarat-syarat ini tidaklah begitu ketat, kadang-kadang kalau dikehendaki power station di kilang itu hanya memadai dengan dibuat satu kawasan dengan cara pagar kelilingnya dengan kawat-kawat besi ataupun mata punai dan sebagainya dengan belanja yang tidak begitu besar tetapi sekarang dikehendaki mesti pihak pemohon itu mendirikan bangunan batu yang memakan belanja berbelas-belas ribu ringgit. Peringkat pertama hanya dibenarkan dengan cara keliling kawat besi seperti yang saya katakan tadi barangkali memakan belanja hanya \$4,000-\$5,000 sahaja. Peringkat yang kedua diletakkan sedikit dengan cara bangunan batu tetapi tidak begitu mahal juga tetapi yang akhirnya lagi ketat dengan satu bangunan contoh pelan yang tertentu yang mesti diluluskan oleh pihak Lembaga ini sendiri

yang mesti memakan belanja seperti saya katakan tadi, kalau sekarang ini barangkali lebih daripada \$15,000 dan hampir \$20,000 baru siap untuk rumah sub-station itu sahaja. Dan tanah tapak sub-station di kawasan perkilangan itu mesti diserahkan kepada Lembaga. Itu satu daripada syaratnya (condition), padahal harga satu kaki tanah berapa, dia tidak kira. Selain daripada tanah mesti diberi percuma (free) bangunan yang memakan belanja hampir \$20,000. Kemudian untuk mendapatkan kuasa letrik itu mesti pula menaruh deposit, entah apa nama yang dipanggil saya tidak begitu faham, mesti juga ditaruh perbelanjaan dibayar lebih kurang dalam \$20,000 lagi, yakni kalau bumiputra buat kilang papan misalnya yang tidak begitu besar untuk mendapatkan kuasa letrik sahaja dia mesti berbelanja hampir antara \$30,000-\$45,000 baru dapat kuasa letrik. Dengan sebab itu, maka kita akan dapati banyak daripada pekilang-pekilang bumiputra ini bila hendak buat kilang dia tidak gunakan kuasa letrik kerana tidak mampu hendak membayar, tidak cukup modal, terpaksa dia beli generator, pakai generator power sendiri, jadi tentulah productionnya tidak sama dengan yang menggunakan kuasa letrik. Ini satu lagi kekurangan yang terpaksa ditanggung oleh pihak penguasha-pengusaha bumiputra.

Saya minta kalau boleh pihak Lembaga ini mengendurkan sedikit syarat-syarat itu. Kalaulah didapati perusahaan itu tidak begitu besar yakni dibezakanlah dengan perusahaan-perusahaan yang besar supaya pengilang-pengilang kecil ataupun sederhana ini dapat berjalan setanding sebagaimana yang kita kehendaki dalam zaman pembangunan Dasar Ekonomi Baru yang kita sentiasa menggalakkan usaha-usaha bumiputra mengambil bahagian yang cergas, aktif, bukan sebagai sleeping partner dalam perusahaan-perusahaan sekarang ini.

6.28 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya sokong Rang Undang-undang ini. Sungguhpun sokong saya tidak bawa rebah, saya dirikan juga.

L.L.N. ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengeluarkan kuasa. Kuasa ini adalah semacam faktori, kalau manusia jantungnya dan jantungnya pam darah sampai ke kaki, sampai ke otak barulah kita boleh berjalan

dengan tegap tetapi kuasa ini ialah kuasa yang hendak menarik modal asing, kuasa yang hendak menjalankan segala faktori, segala tenaga letrik, baikpun di rumah atau di lain-lain tempat kuasa ini selalu rosak. Ini tidak boleh dapat dinafikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, saya ada bukti-bukti yang terang dan nyata dan boleh dibawa bukti-bukti ini. Macam saudara saya katakan tadi, tanah hendak percuma, itu mesti dibayar. Sebab apa? Kita berkehendakan supply, demand itu lebih. L.L.N. peduli apa, ikut cara dia sahajalah. Sungguhpun saya sokong Rang Undang-undang ini tetapi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil ingatan mana yang baik dan ada juga tidak baiknya saya bercakap ini.

Satu masa, Tuan Yang di-Pertua, nasib baik juga hari tidak hujan, negeri kita ini kadang-kadang hujan dan kadang-kadang tidak hujan. Banyak orang komplek, kilang-kilang komplek, rumah-rumah di Petaling Jaya dan lain-lain tempat komplek tenaga letrik kurang sangat. 10 minit rosak, 15 minit rosak tidak ada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada hari esok.

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 4hb Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.